

"PUASA itu adalah perisai. Maka janganlah dia (orang yang berpuasa itu) mengeluarkan kata-kata keji dan janganlah dia berbuat perlakuan orang-orang jahil. Dan sekiranya seseorang mengajaknya bertawakal atau memaki hamun dan mencelanya, maka hendaklah dia mengatakan : Sesungguhnya aku sedang berpuasa".

(Hadis Riwayat Imam Bukhari)

MEMAKMURKAN RAMADAN DENGAN IBADAT, MENJAGA KESIHATAN

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Februari. - Dalam bulan Ramadan yang mulia ini, nikmat kesihatan menjadi asas untuk kita melaksanakan ibadah puasa dan amal kebajikan dengan penuh keikhlasan, sekali gus mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Menjaga kesihatan diri bermakna kita juga menjaga kesejahteraan keluarga dan masyarakat, kerana tubuh yang sihat memberi ruang untuk kita terus berbakti dan menyumbang kepada pembangunan bangsa serta kesejahteraan ummah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian dalam Titah Perutusan Khas sempena Menyambut Awal Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi dan Titah Perutusan Khas Penghargaan dan Terima Kasih di Istana Nurul Iman, hari ini.

>> Muka 2



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Menyambut Awal Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi dan Titah Perutusan Khas Penghargaan dan Terima Kasih.



Berita Utama



TADARUS Al-Quran di Istana Nurul Iman

Muka 4



KE arah memelihara kepentingan kebersihan tanah perkuburan

Muka 11



MENINGKATKAN pengetahuan, kemahiran kepimpinan

Muka 29

Perutusan tahniah atas pelantikan semula Perdana Menteri Jepun



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Puan Yang Terutama Sanae Takaichi berikutan dengan pelantikannya semula sebagai Perdana Menteri Jepun.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Puan Yang Terutama Sanae Takaichi.

RENCANA

ELAKKAN pembaziran ketika berbuka puasa

Muka 27

Memakmurkan Ramadan dengan ibadat, menjaga kesihatan

■ Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

>> Muka 1

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan kurnia-Nya kerana mengizinkan kita sekali lagi bertemu dengan bulan Ramadan Al-Mubarak dalam suasana yang aman, sejahtera dan penuh keberkatan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga amat bersyukur atas nikmat kesembuhan yang dikurniakan serta diberi kesempatan untuk menyampaikan perutusan ini, setelah selesai menjalani rawatan.

Pengalaman ini, titah baginda, mengingatkan kita betapa pentingnya menjaga kesihatan, kerana ia adalah

anugerah yang tidak ternilai. Kesihatan yang baik bukan sahaja membolehkan kita beribadah dan berkhidmat dengan lebih sempurna, malah titah baginda lagi, ia adalah amanah bersama.

"Pada kesempatan ini, dengan penuh keikhlasan dan rasa terharu, beta ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang telah mendoakan kesihatan dan kesembuhan beta. Beta amat menghargai setiap ingatan dan sokongan yang diberikan.

"Beta percaya segala usaha menunaikan Solat Hajat, bacaan Surah Yaa Siin dan doa yang dipanjatkan telah didengar dan dikabulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala," titah baginda.

Doa-doa yang dirafakkan menjadi sumber kekuatan yang besar dan baginda amat tersentuh, apabila mengetahui bahawa semua lapisan masyarakat di dalam dan luar negara, tanpa mengira usia,

bangsa dan agama termasuk kanak-kanak turut mendoakan kesihatan baginda.

Begitu juga, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah, ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta menzahirkan ucapan terima kasih kepada Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu serta para ketua dan pembesar dari negara-negara sahabat yang telah mengutuskan perutusan mendoakan kesihatan baginda.

Dalam titah, baginda mendoakan agar hubungan baik yang sedia terjalin ini akan terus diperkukuh dan dipermudahkan demi kesejahteraan bersama.

"Tidak lupa, beta ingin merakamkan setulus-tulus penghargaan dan pengiktirafan setinggi-tingginya kepada para doktor dan pasukan perubatan, yang terdiri daripada pakar tempatan dan luar negara, atas dedikasi dan kerjasama mereka dalam memberikan rawatan terbaik kepada beta.

"Semoga Allah Subhanahu

sihat.

Bulan ini juga, titah baginda, mengajar kita kesederhanaan, apabila kita menjauhi pembaziran, nikmat yang ada dapat dimanfaatkan untuk memberi dan berkongsi dengan mereka yang memerlukan.

Untuk mengimarahkan bulan Ramadan, seperti kelazimannya Kebawah DYMM menyeru agar semua pihak di peringkat kementerian, jabatan dan sektor swasta serta seluruh masyarakat untuk mengisikan masa dengan beramal ibadat dan memperbanyakkan aktiviti keagamaan dan amal jariah.

"Akhirnya, beta dan keluarga beta dengan tulus ikhlas dan sukacita mengucapkan Selamat Menunaikan Ibadat Puasa kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di mana sahaja mereka berada. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati Ramadan kita serta mengizinkan kita berpuasa dalam suasana aman, damai dan sejahtera.

"Dalam kesempatan ini kepada Masyarakat Tionghua di negara ini, beta ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu Cina," titah baginda.

Wata'ala membalas segala kebaikan tersebut dengan ganjaran pahala yang berlipat ganda serta mengurniakan kesihatan, kesejahteraan dan keberkatan kepada semua," titah baginda lagi.

Mengambil sukut baik sempena bulan Ramadan yang penuh rahmat, Kebawah DYMM mengajak kita sama-sama merafakkan doa, memohon keampunan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala supaya dijauhkan daripada api neraka, dipanjangkan umur untuk kita diberi kesempatan bertemu dengan bulan Ramadan secara berulang-ulang kali dan dikurniakan kesihatan agar dapat melaksanakan ibadat puasa dengan sempurna dan penuh ketenangan.

Titah baginda, Ramadan ialah masa untuk kita mengumpul segala ganjaran pahala. Marilah kita sama-sama berazam untuk memakmurkan Ramadan dengan ibadat puasa dan lain-lain ibadat seperti bertadarus Al-Quran, Sembahyang Tarawih dan qiamullail, di samping menjaga kesihatan melalui pemakanan

WAKTU SEMBAHYANG										
FEBRUARI MASHIH	HARI	RAMADAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
21	SABTU	3	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44
22	AHAD	4	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44
23	ISNIN	5	5.06	5.16	6.34	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
24	SELASA	6	5.06	5.16	6.33	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
25	RABU	7	5.05	5.15	6.33	6.56	12.34	3.52	6.34	7.43
26	KHAMIS	8	5.05	5.15	6.33	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43
27	JUMAAT	9	5.05	5.15	6.33	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
30 24 °C	31 25 °C	32 24 °C	
Pekan Bangar			
29 24 °C	30 25 °C	31 24 °C	
Pekan Tutong			
30 24 °C	31 24 °C	32 24 °C	
Kuala Belait			
29 24 °C	31 24 °C	31 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 21 FEBRUARI 2026

Menghayati Ramadan tanpa pembaziran

BULAN Ramadan yang mulia bukan sahaja mendidik jiwa untuk menahan lapar dan dahaga, tetapi juga mengajar umat Islam erti kesederhanaan dan kesyukuran. Akan tetapi kadang-kadang kita akan menyaksikan kecenderungan untuk berlebih-lebihan, khususnya dalam menyediakan hidangan berbuka puasa. Sebagai contoh, budaya membeli juadah secara berlebihan sehingga meninggalkan sisa makanan yang banyak. Ini adalah perbuatan pembaziran yang amat dilarang.

Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raf, ayat 31 tafsirnya: "Dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan". Justeru itu amalan bersederhana ketika berbuka puasa wajar dijadikan resolusi peribadi dan peringatan kepada sesama sendiri demi mengelakkan pembaziran dan seterusnya meraih keberkatan Ramadan yang sebenar. Islam amat menitikberatkan konsep kesederhanaan dalam segenap aspek kehidupan, termasuk dalam hal makan dan minum. Perbuatan membazir secara jelas dikategorikan sebagai perangai yang tercela. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 27 tafsirnya: "Sesungguhnya orang-orang yang membazir membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi syarak itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kafur kepada Tuhannya".

Beberapa langkah praktikal yang boleh diambil untuk memastikan kita berbuka secara sederhana. Pertama, ialah merancang menu berbuka. Dengan perancangan awal, kita dapat membeli barangan keperluan secara berhemat dan mengelakkan pembelian berlebihan. Kedua, kita boleh menyesuaikan kuantiti hidangan dengan jumlah ahli keluarga. Ketiga, mulakan berbuka dengan hidangan ringan seperti kurma dan air kosong, kemudian bertolaklah ke masjid untuk menunaikan Sembahyang Maghrib Berjemaah. Selepas sembahyang, barulah kita makan dengan lebih tenang tetapi tetap dalam kuantiti yang sederhana. Pendekatan ini bukan sahaja lebih sihat malah membantu sistem pencernaan berfungsi dengan lebih baik.

Sebaliknya, jika kita mempunyai lebih rezeki, adalah lebih afdal untuk menyalurkan lebih makanan kepada golongan yang memerlukan. Memberi makan kepada orang yang berpuasa adalah amalan yang sangat dituntut, dengan ganjaran pahala yang berlipat ganda. Ini jauh lebih baik daripada membiarkan makanan menjadi sia-sia.

Kesimpulannya, bulan Ramadan adalah masa terbaik untuk melatih diri agar menjadi insan yang lebih baik, termasuk dalam hal pengurusan makanan dan perbelanjaan. Amalan bersederhana ketika berbuka puasa bukan sahaja menyelamatkan kita daripada terjebak dalam lembah pembaziran yang dilarang Allah Subhanahu Wata'ala, malah dapat memupuk sifat syukur dan berhemat dalam kehidupan seharian. Marilah kita jadikan Ramadan kali ini sebagai permulaan untuk mengamalkan gaya hidup sederhana dan menghargai setiap rezeki yang dikurniakan. Semoga dengan sifat berhemat ini, kita dapat digolongkan dalam kalangan hamba-Nya yang bertakwa. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنیدین برحد، نکارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERANGKAT KE MAJLIS DOA KESYUKURAN PUJA USIA DPMM



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB berkenan berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran Sempena Memperingati Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Yang Ke-52 Tahun (kiri dan kanan).

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 Februari. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) selaku Sekretariat Dana Pengiran Muda Mahkota

Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) lewat petang tadi mengadakan Majlis Doa Kesyukuran Sempena Memperingati Hari Puja Usia

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana

Menteri Yang Ke-52 Tahun. Majlis berlangsung di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB, di ibu negara.

Berangkat pada majlis ini ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, selaku Ahli Jemaah Tadbir YSHHB; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah DANA; Menteri Kesihatan, Yang

Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah DANA; dan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil beramai-ramai, seterusnya disusuli dengan bacaan Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Yang Ke-52 tahun.

Majlis kemudian diteruskan dengan Majlis Santap Berbuka Puasa, sebelum diakhiri dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat.

DANA adalah merupakan pesambah yang berkekalan dalam bentuk yaysan amal yang disebarkan oleh YSHHB dan pada memperingati Pemasayuran Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menjadi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota pada 17 Rabiulakhir 1419 bersamaan 10 Ogos 1998. DANA ini ditubuhkan pada 4 Jamadilawal 1429 bersamaan 25 Ogos 1998.

Juga hadir di majlis tersebut ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB, Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah DANA, para jemputan khas terdiri daripada sebahagian para penyumbang-penyumbang tetap DANA, pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB serta guru-guru Sekolah YSHHB.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat (atas). Manakala gambar bawah, Duli yang Teramat Mulia menadah tangan ketika Doa Kesyukuran dibacakan.



DYTM berkenan berangkat ke Majlis Santap Berbuka Puasa (atas).

Zakat Fitrh

BAGI TAHUN 1447H
BERSAMAAN 2026M

Zakat Fitrh bagi tiap-tiap seorang Islam di Negara ini ialah 2 Kilo 268 Gram atau dengan nilai wang seperti berikut:

Beras Wangi :
\$ 2.84

Beras Siam :
\$ 1.93



WAKTU MEMBAYAR

- Waktu Harus: Sejak dari awal bulan Ramadhan
- Waktu Sunat: Selepas sembahyang Subuh sehingga mendirikan sembahyang Hari Raya
- Waktu Wajib: Setelah terbenam matahari akhir bulan Ramadhan
- Waktu Makruh: Selepas sembahyang Hari Raya sehingga terbenam matahari Hari Raya
- Waktu Haram: Setelah terbenam matahari Hari Raya pertama. Bahkan perbuatan ini adalah suatu dosa namun wajib dibayar juga sebagai qadha kerana dikeluarkan di luar waktu.



إدارة اورسنة زكاة، وقف وبيت المال
JABATAN URUSAN ZAKAT, WAQAF DAN BAITULMAL
Kementerian Hal Ehwal Ugama | Negara Brunei Darussalam

TEMPAT MEMBAYAR

- Kaunter Perkhidmatan JUZWAB
- Amil-Amil yang Dilantik Seluruh Negara
- Secara atas Talian melalui:
 - DST E-Zakat
 - BIBD
 - TAIB
 - PROGRESIF
 - IMAGINE



Pembukaan Tadarus Al-Quran imarahkan Ramadan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Pembukaan Tadarus Al-Quran berkenaan (atas), manakala gambar kanan, sebahagian daripada para Muslimah yang hadir di majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Februari. - Bulan Ramadan Al-Mubarak merupakan bulan yang sentiasa dinanti-nantikan oleh umat Islam kerana kedudukannya yang istimewa serta maknanya yang besar dalam kehidupan seorang Muslim.

Bulan yang penuh keberkatan berkenaan menjanjikan ganjaran pahala berlipat ganda bagi setiap amalan ibadah dan kebajikan yang dilaksanakan, di samping menjadi medan limpahan rahmat dan keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sepanjang bulan yang mulia ini, pintu-pintu syurga dibuka seluas-luasnya dan peluang

untuk meraih kelebihan serta ganjaran pahala sebanyak - banyaknya disediakan kepada umat Islam.

Kesemuanya ini merupakan manifestasi rahmat dan kasih sayang Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya.

Sehubungan dengan itu, masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara turut mengimarahkan suasana Ramadan dengan menyediakan ruang kepada umat Islam untuk meningkatkan amalan ibadah serta beriktikaf melalui pelbagai aktiviti takmir.

Antara pengisian yang dilaksanakan termasuk Program Tadarus Al-Quran bagi

menyemarakkan keberkatan bulan yang mulia ini.

Majlis Pembukaan Tadarus Al-Quran bagi Masjid, Surau, Balai Ibadat Seluruh Negara diadakan bermula malam tadi di Masjid Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap, Kementerian

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim serta pegawai-pegawai kanan KHEU.

Majlis Pembukaan Tadarus Al-Quran bagi Masjid, Surau, Balai Ibadat Seluruh Negara berkenaan dikendalikan oleh KHEU melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dan Jabatan Pentadbiran dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Omar 'Ali Saifuddin dan Radio Televisyen Brunei (RTB).

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan Tadabbur Al-Quran yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), KHEU, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi, dan seterusnya Tadarus Al-Quran dimulakan dari Surah Al-Baqarah oleh pelajar Skim Tilawah Al-Quran Kanak-kanak (STAKA).

Manakala bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang.

Tadarus Al-Quran di Istana Nurul Iman

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei hadir di majlis tadarus berkenaan (atas kanan), sementara gambar atas dan kanan, suasana di ruang jemaah perempuan dan ruang jemaah lelaki.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 Februari. - Majlis Tadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Istana Nurul Iman bagi malam pertama diadakan secara berasingan di Surau Istana Nurul Iman dengan kehadiran lebih 800 orang.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), CP Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin. Majlis dimulakan dengan

menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang yang juga mengimamkan Sembahyang Sunat Witr. Manakala, Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah diimamkan oleh Awang Muhammad Abu Hurairah bin Ariffin.

Seterusnya, majlis juga diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Hidupkan Bulan Ramadan Dengan Asmaul Husna : Ar-Rahman (Yang Maha Penyayang)', masing-masing disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI),



Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Muhammad Naqib bin Haji Awang di ruang jemaah lelaki, manakala di ruang jemaah perempuan disampaikan oleh Pegawai Ugama, PDI, Dayang Siti Juhaidah binti Haji Bujang. Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, disusuli dengan bacaan Tadarus Al-Quran dan kemudian diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir, pegawai-pegawai dan anggota-anggota beruniform terdiri daripada ABDB, PPDB, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Penjara, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta pegawai-pegawai dan guru ugama dari Kementerian Hal Ehwal Ugama.



KEMENTERIAN KESIHATAN ANJUR DOA KESYUKURAN SEMPENA PUJA USIA DYTM



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis doa kesyukuran yang diadakan di Surau As-Salam, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong (atas dan atas kanan).

TUTONG, Rabu, 18 Februari. – Kementerian Kesihatan telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Ke-52 Tahun Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Majlis berkenaan diadakan di Surau As-Salam, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB), Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Atur cara majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, diikuti dengan

Sembahyang Sunat Hajat.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-52 tahun, yang dibacakan oleh Pengiran Haji Radiman bin Pengiran Haji Tengah, diikuti dengan Doa Menyambut Bulan Ramadan yang dibacakan oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II, SKIPPA Keugamaan, Awangku Mohammad Hafiz bin Pengiran Haji Rusnan.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan dan Hospital PMMPMHAMB, Tutong.

Doa Kesyukuran, membaca Surah Yaa Siin sempena HK NBD Ke-42

Siaran Akhbar :
Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) akan menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42, Tahun 2026 pada 5 Ramadan 1447 Hijrah bersamaan 23 Februari 2026 Masihi dengan tema sambutan tahun ini 'Bersatu Mencapai Cita Negara'.

Sehubungan dengan itu, Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-42, Tahun 2026 akan diadakan secara serentak di keempat-empat daerah di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan tumpuan utama di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong pada Isnin, 5 Ramadan 1447H bersamaan 23 Februari 2026M mulai jam 11.30 pagi.

Selain Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong, beberapa buah masjid di daerah-daerah lain juga sebagai tumpuan utama majlis, iaitu Daerah Brunei dan Muara di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan; Masjid Hassanil Bolkiah, Kampung Mentiri; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong; Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan Muara; dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Sementara di Daerah Belait, tumpuan utama ialah Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait; dan Masjid

Pekan Seria, Daerah Belait.

Manakala bagi Daerah Tutong bertempat di Masjid Hassanil Bolkiah, Pekan Tutong; sementara di Daerah Temburong bertempat di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Orang ramai adalah dialu-alukan hadir ke masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara bagi

sama-sama menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026 pada tarikh, masa dan tempat-tempat yang telah dinyatakan.

Keadaan cuaca diramalkan aktif hingga 25 Februari ini

Siaran Akhbar : Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini berada dalam fasa kedua Monsun Timur Laut (MTL), dengan keadaan atmosfera cenderung menjadi lebih stabil dengan pengurangan aktiviti turunan hujan.

Walau bagaimanapun, luruan angin Timur Laut dan juga tekanan udara rendah berhampiran rantau kita telah menyebabkan keadaan atmosfera di rantau ini menjadi lembap dan tidak stabil, seterusnya menyebabkan peningkatan awan hujan yang aktif dan kejadian hujan lebat.

Keadaan cuaca aktif diramalkan bermula pada Khamis, 19 Februari 2026 sehingga Rabu, 25 Februari 2026.

Hujan sekali-sekala lebat dan berpetir dijangka menjejaskan beberapa kawasan di negara ini, dengan kelajuan angin meningkat sehingga 45 kilometer sejam (kmsj) semasa atau dekat hujan lebat dan berpetir.

Di perairan NBD, keadaan laut secara amnya adalah berombak pada tahap sedikit hingga sederhana, dengan ketinggian antara 0.6 meter (m) hingga 1.5m.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko tinggi kejadian banjir kilat, tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin kencang. Keadaan laut adalah berbahaya bagi operasi bot-bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Sehubungan dengan itu, orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam (BDMD) dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu. Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit BDMD, iaitu Brunei WX.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook (@bruneivweather), Instagram (@brunei.weather) dan saluran Telegram serta Whatsapp (Brunei Weather).

HULUR SOKONGAN PROJEK PEMBIAYAAN SOLAR



YANG Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri hadir menyempurnakan Majlis Pecah Tanah tersebut di Sungai Liang Industrial Park (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Februari. - Bank Baiduri telah mengukuhkan peranannya dalam landskap tenaga boleh diperbaharui di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan membiayai pembangunan Loji Solar Fotovolta (PV) dipasang di atas tanah berkapasiti puncak 12 megawatt (MWp) di Sungai Liang Industrial Park (SPARK).

Projek ini merupakan inisiatif pembiayaan solar kedua Bank Baiduri, sekali gus mengukuhkan keupayaannya yang semakin berkembang dalam pembiayaan infrastruktur mampan.

Kemudahan tersebut, yang dibangunkan oleh Hibiscus Petroleum, akan membekalkan elektrik boleh diperbaharui kepada kemudahan Pemampat Tekanan Rendah (Low-Pressure Compressor, LPC) di Loji Pemrosesan Darat (Onshore Processing Plant, OPP) milik Usahasama Blok 'B' Maharajalela Jamalulalam.

Apabila mula beroperasi, loji solar ini dijangka meningkatkan kecekapan tenaga, mengurangkan pelepasan operasi serta menyediakan sumber tenaga yang lebih mampan untuk aktiviti

perindustrian.

Majlis Pecah Tanah telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah, yang seterusnya menekankan kepentingan kerjasama bersepadu antara sektor awam dan swasta dalam memajukan agenda tenaga boleh diperbaharui.

Pembiayaan ini menyusuli pencapaian utama pertama tenaga boleh diperbaharui Bank Baiduri pada tahun 2025, apabila Bank Baiduri menandatangani perjanjian

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Baiduri



sebagai pembiaya tunggal bagi Loji Jana Kuasa Solar Fotovolta berskala utiliti pertama di NBD berkapasiti 30 megawatt (MW) di Kampung Belimbing.

Projek mercu tanda tersebut meletakkan asas bagi pelaksanaan solar berskala besar di negara ini serta memposisikan bank di barisan hadapan pembiayaan infrastruktur mampan.

"Ketika NBD memajukan peralihan tenaganya, penyelesaian pembiayaan mesti berkembang seiring dengan aspirasi nasional. Sokongan terhadap projek solar kedua kami mencerminkan pengalaman kami yang semakin luas dalam infrastruktur boleh diperbaharui serta komitmen kami untuk membolehkan penyelesaian tenaga rendah karbon yang berdaya maju secara komersial," ulas Ketua Pegawai Eksekutif Baiduri Bank, Ti Eng Hui mengenai perkembangan tersebut.

"Projek-projek ini menunjukkan bagaimana pembiayaan bertanggungjawab dapat menyokong daya tahan industri sambil menyumbang kepada matlamat kemampan jangka

panjang negara," tambahnya.

Inisiatif ini selaras dengan sasaran NBD untuk meningkatkan kapasiti tenaga boleh diperbaharui kepada sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah kapasiti penjana kuasa terpasang menjelang tahun 2035 di bawah Brunei National Climate Change Policy (BNCCP).

Pendekatan kemampan Bank Baiduri dipandu oleh Baiduri Greenprint, rangka kerjanya yang distrukturkan berasaskan tiga teras iaitu People (Manusia), Process (Proses) dan Planet (Bumi) bagi memastikan pertimbangan kemampan diterapkan dalam keputusan pembiayaan, amalan operasi dan kerjasama dengan pihak berkepentingan.

Seiring dengan landskap tenaga yang terus berkembang, Bank Baiduri kekal komited untuk bekerjasama dengan peneraju industri dan pembuat dasar bagi menyokong projek yang praktikal dan boleh diperluas, sekali gus menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi dan pembangunan nasional jangka panjang.

Pasar Serbaguna pemangkin ekonomi, pendapatan penjaja

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

JERUDONG, Rabu, 18 Februari. - Majlis Perasmian Pasar Serbaguna telah berlangsung hari ini bertempat di kawasan letak kereta Pantai Jerudong, berdekatan Restoran Neptune.

Majlis tersebut dikendalikan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Jerudong sebagai usaha menyediakan kemudahan perniagaan yang lebih teratur dan selesa kepada para penjaja tempatan.

Hadir menyempurnakan perasmian tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim selaku tetamu kehormat majlis.

Sebanyak 52 petak jualan telah disediakan khusus bagi penjaja yang sebelum ini berniaga di tepi jalan. Penempatan baharu ini bertujuan memastikan persekitaran perniagaan yang lebih tersusun, bersih dan selamat di samping memberi keselesaan kepada peniaga dan pengunjung.



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan majlis perasmian tersebut.

Petak-petak jualan tersebut dibahagikan mengikut beberapa zon, iaitu Zon 'A' bagi jualan sayur-sayuran dan buah-buahan; Zon 'B' bagi kuih-muih dan minuman; Zon 'C' bagi makanan salai serta masakan secara langsung (*live cook*).

Manakala, Zon 'D' bagi bunga-bunga hidup yang dibukakan kepada orang ramai

setiap hari dari pukul 6.00 pagi hingga 6.00 petang; manakala Zon 'E' bagi jualan binatang peliharaan yang beroperasi pada setiap Jumaat dan Ahad sahaja.

Turut hadir pada majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat; Pemangku Penghulu Mukim Sengkurong; ketua - ketua kampung dan pemangku ketua-ketua kampung di bawah Mukim Sengkurong; Ahli-ahli MPK Jerudong serta pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM).

Dengan adanya Pasar Serbaguna ini, diharapkan para penjaja dapat menjalankan perniagaan dengan lebih teratur dan sistematik, sekali gus meningkatkan pendapatan mereka. Selain itu, kemudahan ini juga diharap dapat menarik lebih ramai pengunjung serta menyumbang kepada perkembangan ekonomi setempat.



PETAK-petak jualan tersebut dibahagikan mengikut beberapa zon, salah satu zon sepertimana dipaparkan dalam gambar ialah Zon 'A' bagi jualan sayur-sayuran dan buah-buahan.

Waktu operasi Pejabat Tanah semasa bulan Ramadan

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Tanah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Februari. - Jabatan Tanah sukacita ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai waktu-waktu perkhidmatan kaunter penerimaan pembayaran dan kaunter perkhidmatan pelanggan di Pejabat-pejabat Tanah Daerah pada bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Bagi Kaunter Pembayaran di Pejabat Tanah Daerah Brunei dan Muara, Tutong dan Belait, kaunter akan dibuka pada Isnin hingga Sabtu mulai pukul 8.15 sehingga pukul 12.00 tengah hari kecuali pada Sabtu iaitu sehingga pukul 10.30 pagi.

Manakala bagi Pejabat Tanah Daerah Temburong, Kaunter Pembayaran dibuka pada Isnin hingga Sabtu mulai pukul 8.15 sehingga pukul 12.00 tengah hari kecuali pada Sabtu iaitu sehingga pukul 10.15 pagi.

Bagi Kaunter Perkhidmatan di kesemua Pejabat Tanah Daerah, ia akan dibuka pada Isnin hingga Sabtu mulai pukul 8.15 pagi sehingga 1.00 petang. Pembayaran menggunakan cek (*cheque*) di kaunter hanya akan diterima pada Isnin hingga Khamis sahaja.

Kesemua Pejabat Tanah Daerah akan buka setiap hari kecuali pada Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam. Maklumat lanjut mengenai waktu operasi orang ramai bolehlah melayari laman sesawang Jabatan Tanah www.land.gov.bn ataupun Instagram Jabatan Tanah di [@jabatantanah.bn](https://www.instagram.com/jabatantanah.bn).

KAUNTER PENERIMAAN PEMBAYARAN	
Hari Isnin hingga Khamis	8:15 Pagi - 12:00 Tengahari
Sabtu	8:15 Pagi - 10:30 Pagi
Sabtu (Pejabat Tanah Daerah Temburong)	8:15 Pagi - 10:15 Pagi

Majlis Penyampaian Sijil Tauliah Amil Bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi

Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hasif Matzin



JUNJONGAN, Rabu, 18 Februari. - Seramai 366 amil menerima surat lantikan daripada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) bagi melaksanakan tugas pengutipan zakat di seluruh negara bagi tahun ini.

Sebanyak 142 kawasan kutipan zakat telah ditetapkan seluruh negara, dengan pembahagian, iaitu di Daerah Brunei dan Muara seramai 213 amil bagi 80 kawasan, manakala di Daerah Tutong seramai 60 amil bagi 30 kawasan, sementara di Daerah Belait pula seramai 22 amil

bagi 16 kawasan; serta di Daerah Temburong seramai 24 amil bagi 12 kawasan.

Selain itu, seramai 47 amil yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), serta Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB), KHEU turut dilantik untuk pengutipan zakat di keempat-empat daerah.

Antara yang dilantik juga termasuk anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei,



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei hadir menyempurnakan penyampaian Sijil Tauliah Amil pada Majlis Penyampaian Sijil Tauliah Amil di Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan (atas dan kiri).

serta Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Sepanjang 2025, jumlah kutipan zakat adalah sebanyak BND20,371,761.48.

Sehubungan dengan itu, MUIB petang tadi mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Tauliah Amil kepada Amil-amil yang Dilantik Seluruh Negara bagi Tahun 1447-1448 Hijrah bersamaan 2026-2027 Masihi, yang diadakan secara serentak di keempat - empat daerah.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, majlis diadakan di Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan, di sini.

Hadir dan seterusnya menyampaikan Sijil Tauliah Amil, Timbalan Menteri Hal Ehwal

Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Naib Yang Dipertua MUIB.

Sementara itu, bagi Daerah Tutong, majlis diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, manakala di Daerah Belait pula, majlis seumpamanya diadakan di Masjid Zainab, Kampung Lumut, Kuala Belait.

Bagi Daerah Temburong pula, majlis diadakan bertempat di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie.

Pengutipan dan pembayaran zakat boleh dilakukan di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara, di kaunter perkhidmatan JUZWAB, KHEU, serta di cawangan-cawangan JUZWAB di

Pejabat-pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Institusi-institusi kewangan Islam seperti Tabung Amanah Islam Brunei dan Bank Islam Brunei Darussalam serta syarikat-syarikat seperti Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Progresif Sdn. Bhd. dan Imagine Sdn. Bhd. turut dilantik sebagai amil bagi mengutip Zakat Harta dan Zakat Fitrah.

JUZWAB sukacita mengingatkan orang ramai agar tidak berlengah dalam membayar zakat sehingga saat akhir serta merakamkan penghargaan dan terima kasih atas kesedaran dan tanggungjawab orang ramai dalam menunaikan kewajipan mengeluarkan zakat.



TIMBALAN Mufti Kerajaan selaku Ahli MUIB hadir menyempurnakan penyampaian Sijil Tauliah Amil pada Majlis Penyampaian Sijil Tauliah Amil di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Ukong (atas dan kanan).

TUTONG, Rabu, 18 Februari. - Seramai 60 amil bagi 30 kawasan di Daerah Tutong menerima surat lantikan dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) bagi melaksanakan tugas pengutipan zakat bagi tahun ini.

Selain itu, seramai 47 amil yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) serta Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB), KHEU turut dilantik untuk pengutipan zakat di keempat - empat daerah.

Antara yang dilantik juga termasuk anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), serta Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP).

Sehubungan dengan itu, MUIB pada pagi tadi mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Tauliah Amil kepada Amil-amil yang Dilantik Seluruh Negara bagi Tahun 1447-1448 Hijrah bersamaan 2026-2027 Masihi, yang diadakan secara serentak di keempat-empat daerah.

Bagi Daerah Tutong, majlis telah diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dan Sijil Tauliah Amil

disampaikan oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin, selaku Ahli MUIB.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, juga Penghulu Mukim Ukong, Daerah Tutong; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Sepanjang 2025, jumlah kutipan zakat adalah sebanyak

Daerah Tutong

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



BND20,371,761.48.

Pengutipan dan pembayaran zakat boleh dilakukan di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara, di kaunter perkhidmatan JUZWAB, KHEU, serta di cawangan-cawangan JUZWAB di Pejabat - pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Institusi-institusi kewangan Islam seperti Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD)

serta syarikat-syarikat seperti Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Progresif Sdn. Bhd. dan Imagine Sdn. Bhd. turut dilantik sebagai amil bagi mengutip Zakat Harta dan Zakat Fitrah.

JUZWAB sukacita mengingatkan orang ramai agar tidak berlengah dalam membayar zakat sehingga saat akhir serta merakamkan penghargaan dan terima kasih atas kesedaran dan tanggungjawab orang ramai dalam menunaikan kewajipan mengeluarkan zakat.

Majlis Penyampaian Sijil Tauliah Amil Bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi

Daerah Belait



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

LUMUT, Rabu, 18 Februari. - Seramai 22 orang bagi 16 kawasan daripada 366 amil di seluruh negara bagi Daerah Belait telah menerima Tauliah Lantikan daripada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bagi melaksanakan tugas pengutipan zakat di Dewan Masjid Zainab, Lumut, Kuala Belait, hari ini. Hadir selaku tetamu kehormat



PENGARAH Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah selaku Ahli MUIB hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian Sijil Tauliah di Dewan Masjid Zainab, Lumut, Kuala Belait (atas dan kiri).

dan seterusnya menyampaikan Sijil Tauliah kepada amil-amil ialah Pengarah Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad, Ahli MUIB.

Pengutipan dan pembayaran zakat boleh dilakukan di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara, di kaunter perkhidmatan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB),

KHEU serta di cawangan-cawangan JUZWAB di Pejabat-pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Institusi-institusi kewangan Islam seperti Tabung Amanah Islam Brunei dan Bank Islam Brunei Darussalam serta syarikat-syarikat seperti DST, Progresif dan Imagine turut dilantik sebagai Amil bagi

mengutip Zakat Harta dan Zakat Fitrah.

JUZWAB sukacita mengingatkan orang ramai agar tidak berlembang dalam membayar zakat sehingga saat akhir serta merakamkan penghargaan dan terima kasih atas kesedaran dan tanggungjawab orang ramai dalam menunaikan kewajipan mengeluarkan zakat.

Daerah Temburong



PEMANGKU Setiausaha MUIB hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian Sijil Tauliah Amil di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau; dan Pemangku Pegawai Daerah Temburong (atas dan atas kanan).

TEMBURONG, Rabu, 18 Februari. - Seramai 24 amil dilantik oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) bagi melaksanakan tugas pengutipan zakat bagi 12 kawasan di Daerah Temburong.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Sijil Tauliah Amil kepada amil-amil yang dilantik bagi Daerah Temburong diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan Sijil Tauliah Amil kepada para amil yang dilantik ialah Pemangku Setiausaha MUIB, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Dalam ucapan alu-aluan Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Haris Hamdillah bin Haji Masri selaku Pengerusi Majlis menjelaskan, tanggungjawab yang diamanahkan bagi seorang amil itu, hendaknya mematuhi dua perkara yang sangat penting, iaitu

aspek integriti dan aspek operasi.

Dari aspek integriti tambahannya, kejujuran dan amanah adalah prinsip asas yang wajib dimiliki oleh setiap amil. Di samping mempunyai sahsiah yang mulia, amil bertanggungjawab memastikan wang kutipan zakat dipelihara dengan selamat dan diurus secara berhemah bagi menghindari sebarang bentuk khianat, penyelewengan, kehilangan atau salah guna wang zakat.

Manakala dalam aspek operasi pula jelasnya, para amil adalah dinasihatkan supaya menepati peraturan kewangan sebagaimana kehendak Peraturan Kewangan dan Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-mahkamah Kadi Penggal 77.

"Apabila kedua-dua perkara ini dilaksanakan dengan sebaiknya, maka proses kutipan zakat akan berjalan dengan lebih selamat, sempurna dan sistematik. Dengan

demikian, para amil insyaaAllah akan dikurniakan ganjaran pahala yang besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala atas keikhlasan dan amanah yang dipikul," terangnya.

Pada tahun ini, seramai 366 orang amil dilantik oleh MUIB bagi pengutipan zakat di seluruh negara dengan sebanyak 142 kawasan kutipan zakat telah ditetapkan seluruh negara.

Selain itu, seramai 47 orang amil yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) serta Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB), KHEU turut dilantik untuk pengutipan zakat di keempat-empat daerah.

Antara yang dilantik juga termasuk anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei serta Jabatan Bomba dan Penyelamat. Sepanjang tahun 2025, jumlah kutipan zakat adalah sebanyak



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BND20,371,761.48.

Pengutipan dan pembayaran zakat boleh dilakukan di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara, di kaunter perkhidmatan JUZWAB, KHEU serta di cawangan-cawangan JUZWAB di Pejabat-pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Institusi - institusi kewangan Islam seperti Tabung Amanah Islam Brunei dan Bank Islam Brunei Darussalam serta syarikat-syarikat seperti DST, Progresif dan Imagine turut dilantik sebagai amil bagi mengutip Zakat Harta dan Zakat Fitrah.

JUZWAB sukacita mengingatkan orang ramai agar tidak berlembang dalam membayar zakat sehingga saat akhir serta merakamkan penghargaan dan terima kasih atas kesedaran dan tanggungjawab orang ramai dalam menunaikan kewajipan mengeluarkan zakat.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar serta pegawai-pegawai dari JUZWAB, KHEU.



KETUA Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Haris Hamdillah bin Haji Masri selaku Pengerusi Majlis semasa berucap.

Majlis Bertadarus di Istana Nurul Iman diteruskan



Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



TIMBALAN Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Timbalan Pesuruhjaya Polis hadir di majlis bertadarus tersebut (atas), manakala gambar atas kanan, sebahagian daripada para jemaah perempuan yang hadir sama di surau berasingan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 Februari. - Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi diadakan bagi malam kedua dengan kehadiran kira-kira 800 orang di dua tempat secara berasingan.

Hadir sama pada majlis berkenaan, Timbalan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim; dan Timbalan Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia DCP Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Majlis dimulakan dengan

menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang, yang juga mengimamkan Sembahyang Sunat Witr. Manakala, Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah diimamkan oleh Awang Muhammad Fikri bin Haji Sarbini.

Kemudian, majlis disusuli dengan bacaan Tadarus Al-Quran dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu, majlis turut diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Hidupkan Bulan Ramadan Dengan Asmaul Husna : Ar Rahim' yang

disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.

Sementara itu, di surau berasingan bagi jemaah perempuan, tazkirah disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Dayang Siti Syuhaidah binti Haji Mohd. Yusoff.

Turut hadir, pegawai-pegawai dan anggota-anggota beruniform terdiri dari ABDB, PPDB, Jabatan Migresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Penjara, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta pegawai-pegawai dan guru ugama dari Kementerian Hal Ehwal Ugama.

RAMADAN BULAN PENUH RAHMAT, MAKSIMAKAN AMAL IBADAH



CERAMAH tersebut telah disampaikan oleh Penolong Ra'es III (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 Februari. - Tidak semua orang diberi peluang untuk bertemu dengan bulan Ramadan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kerana ada mereka yang lebih awal dijemput ilahi dan sebahagian juga diberi ujian dengan kesakitan.

Ini bermakna andai kita diberi peluang, ia merupakan rezeki terbesar untuk kita rebuti dan

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

hargai.

Demikian antara inti pati ceramah bertajuk 'Jangan Sia-siakan Bulan Ramadan' yang disampaikan oleh Penolong Ra'es III (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk, sejeurus selesai menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat bertempat di Masjid An-Na'im, Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor, Mengkubau hari ini.

Terdahulu, Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi menerangkan bahawa bulan Ramadan merupakan bulan yang sangat istimewa kerana sepertimana yang umat Islam sedia maklum, pada bulan inilah kita diwajibkan untuk berpuasa yang juga merupakan di antara Rukun Islam yang perlu dilaksanakan.

"Oleh itu, umat Islam perlu memaksimakan segala kemampuan untuk beribadah sepanjang bulan Ramadan.

"Secara umumnya dalam bulan Ramadan terdapat lima rezeki yang akan kita perolehi, iaitu rezeki keistimewaan bulan Ramadan, rezeki pahala berlipat kali ganda, rezeki mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu

Wata'ala, rezeki melakukan amalan yang akan membawa keberkahan hidup, dan rezeki terdapatnya waktu-waktu doa dikabulkan Allah Subhanahu Wata'ala," tegasnya.

Oleh yang demikian tambahnya, itulah alasan kenapa kita tidak boleh mensia-siakan bulan Ramadan dan malah inilah kesempatan kita berlumba-lumba untuk memanfaatkan segala rahmat, nikmat dan ganjaran yang terdapat pada bulan Al-Mubarak itu.

Ramadan adalah bulan anugerah limpahan rahmat dan penuh *maghfirah*, jangan biarkan berlalu begitu sahaja dengan perkara yang sia-sia dan tidak berfaedah apatah lagi perbuatan dosa.

Istimewanya Ramadan kali ini, Negara Brunei Darussalam amat bertuah berikutan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan yang Ke-42 dalam bulan puasa. Oleh yang demikian, segenap penduduk seharusnya menzahirkan rasa syukur dengan memperbanyakkan amal soleh dan memanjatkan doa agar negara kita cintai ini sentiasa dikurniakan keberkatan sebagai sebuah negara berdaulat dan aman makmur di bawah pimpinan raja yang dikasihi.

Larangan menawarkan, mempromosi berbuka, bersahur tanpa Sijil Halal

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 Februari. - Bulan Ramadan merupakan bulan yang penuh keberkatan, keampunan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Pada bulan yang mulia ini, umat Islam bukan sahaja digalakkan untuk melipatgandakan amal ibadah, malah aktiviti perniagaan, khususnya dalam sektor makanan dan minuman turut meningkat bagi memenuhi keperluan masyarakat sepanjang bulan Ramadan.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) ingin memaklumkan kepada semua pengusaha premis makanan dan minuman di Negara Brunei Darussalam (NBD) bahawa mana-mana premis yang belum mendapat Sijil Halal adalah tidak dibenarkan untuk menawarkan, mempromosi, mempamerkan atau menggunakan apa-apa ungkapan atau istilah yang merujuk kepada makanan atau minuman yang disediakan sebagai halal, seperti penggunaan istilah seperti 'Bufet Ramadhan', 'Sungkai Bufet', 'Iftar', 'Set Ramadan', 'Bufet Sahur', atau apa-apa istilah lain yang secara langsung atau tidak langsung membawa maksud hidangan untuk berbuka puasa atau bersahur.

Bagi menjamin kemaslahatan umat Islam di negara ini serta memelihara integriti sistem Pensijilan Halal negara, JHES melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal akan terus melaksanakan aktiviti pemantauan dan pemeriksaan ke atas premis-premis yang menawarkan dan mempromosi hidangan bertemakan bulan Ramadan tanpa memiliki Sijil Halal Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) yang sah.

Mana-mana premis makanan dan minuman yang didapati melanggar peruntukan Bab 12 (3) (b) Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 boleh dikenakan tindakan undang-undang, dan jika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda tidak melebihi BND8,000, hukuman penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya sekali.

Larangan berkenaan bertujuan untuk memastikan bahawa tiada sebarang representasi, dakwaan atau gambaran sebagai premis halal dibuat oleh mana-mana pihak, melainkan setelah premis berkenaan diaudit, diperiksa dan diluluskan secara rasmi sebagai halal oleh MUIB, selaras dengan kehendak undang-undang yang berkuat kuasa.

Dalam masa yang sama, premis makanan dan minuman yang belum membuat permohonan Sijil Halal atau Permit adalah diingatkan supaya menghadapkan permohonan dengan segera sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Bab 4 (1) dan Bab 10 (1) (a) Perintah Sijil Halal dan Label Halal (Pindaan 2017).

Kegagalan berbuat demikian boleh dikenakan hukuman di bawah Bab 4 (5) dan Bab 10 (6) Perintah yang sama, iaitu denda tidak melebihi BND8,000, hukuman penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya sekali.

Bagi kesalahan yang berterusan, pesalah juga boleh dikenakan denda tambahan tidak melebihi BND100 bagi setiap hari selama mana kesalahan berkenaan berterusan selepas disabitkan.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan perkara berkenaan bolehlah menghubungi Bahagian Kawalan Makanan Halal, JHES melalui talian Hotline +673 7103111 atau hadir ke pejabat Bahagian Kawalan Makanan Halal di Bandar Seri Begawan atau di daerah masing-masing.

PERSIAPAN MENUJU RAMADAN



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Belia Masjid An-Na'im

yang sudah dijemput balik ke rahmatullah sebelum datangnya Ramadan Al-Mubarak ini.

Oleh itu, kita perlu buat persediaan-persediaan untuk menyambutnya agar ia tidak sia-sia begitu sahaja tanpa manfaatnya dengan sebaik-baiknya.

Demikian antara inti pati Kuliah Subuh : Tarbiah Hati di Malam Ramadan selepas menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid An-Na'im, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Mengkubau, baru-baru ini.

Pegawai Perkembangan Ugama di Pusat Da'wah Islamiah, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi dalam Kuliah Subuh bertajuk 'Langkah Persiapan Menuju Ramadan' antara lain menggariskan persediaan menyambut Ramadan iaitu membersihkan hati dengan mengingati kematian dan membaca Al-Quran.



KETUA Kampung Kawasan 2 RPN Kampung Panchor, Mengkubau hadir bersama jemaah masjid pada Kuliah Subuh tersebut.

Selain itu, tambahnya, kita hendaklah melatih diri agar bertakwa dengan selalu bersedekah di kala susah dan senang, mengawal kemarahan dan memaafkan orang lain. "Melazimi Sembahyang Tahajud dan qiamullail di bulan Ramadan

kerana ia amalan pada waktu malam adalah lebih berkesan kepada tarbiah hati," katanya lagi. Hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Kampung Panchor, Mengkubau, Haji Awang Eddie Hardey bin Haji Ibrahim dan jemaah masjid terdiri

daripada kampung sekitarnya. Diharapkan Ramadan kali ini akan dapat membentuk untuk menjadi seorang Muslim yang sejati agar lebih dekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan mengerjakan segala amalan dan juga suruhan-Nya.

KULIAH Subuh bertajuk 'Langkah Persiapan Menuju Ramadan' telah disampaikan oleh Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi, Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah.

PANCHOR MENGKUBAU, Rabu, 18 Februari. - Ramadan merupakan bulan yang sangat dinantikan segenap umat Islam berikutan fadilat dan kelebihan yang terdapat di dalamnya dan kita yang masih bernyawa ini telah dipilih oleh Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat menyaksikan dan menikmati bulan yang mulia ini berbanding mereka

MWNBD adakan pembukaan Tadarus Al-Quran



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 Februari. - Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) mengadakan Majlis Pembukaan Tadarus Al-Quran sempena bulan Ramadan yang mulia, dengan penyertaan persatuan-persatuan yang bergabung di bawah naungannya bertempat di kediaman Naib Yang

Dipertua I, Kampung Manggis Dua, di sini.

Majlis tersebut menghimpunkan Yang Dipertua Persatuan-persatuan, Naib-naib Yang Dipertua, ahli-ahli persatuan yang bergabung serta para jemputan khas dalam suasana penuh keagamaan dan muhibah.

Dalam ucapan alu-aluannya,

Naib Yang Dipertua MWNBD, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana diberikan kesempatan untuk sama-sama memulakan acara tahunan tersebut, yang merupakan antara pengisian utama sepanjang bulan Ramadan.

Beliau menjelaskan bahawa pembacaan Al-Quran 30 juz secara

MAJLIS Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) mengadakan Majlis Pembukaan Tadarus Al-Quran sempena bulan Ramadan bertempat di kediaman Naib Yang Dipertua I, Kampung Manggis Dua.

Ramadan. Beliau turut memaklumkan bahawa beberapa wakil persatuan telah merancang untuk mengkhataamkan bacaan 30 juz Al-Quran.

Sehubungan itu, Majlis Khatam Al-Quran akan diadakan dan dikendalikan oleh MWNBD pada pertengahan bulan Mac ini sebagai acara kemuncak aktiviti tadarus.

Majlis turut merakamkan penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Keagamaan MWNBD, khususnya Bahagian Wanita PGGMB atas usaha menyelaras penyusunan atur cara program tadarus sepanjang Ramadan.

Penghargaan juga diberikan kepada ahli-ahli persatuan yang menyediakan tempat serta menyumbangkan tenaga, masa dan kewangan, selain ucapan terima kasih kepada Radio Televisyen Brunei serta media massa atas liputan yang diberikan.

Majlis Pembukaan Tadarus tersebut diharap dapat terus menyemarakkan amalan membaca dan menghayati Al-Quran dalam kalangan ahli persatuan serta meraih keberkatan dan ganjaran pahala berlipat ganda sepanjang bulan Ramadan.

bertadarus merupakan acara tahunan MWNBD yang melibatkan kesemua 13 persatuan yang bergabung dengannya. Program tersebut antara lain bertujuan menyemarakkan lagi suasana muhibah dan keberkatan Ramadan, di samping mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui pembacaan serta penghayatan Al-Quran.

Menurut beliau, aktiviti bertadarus juga menjadi platform untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan ahli-ahli persatuan melalui kunjung-mengunjungi bagi membaca, menyemak dan memperbaiki bacaan secara bersama.

Semua persatuan digalakkan untuk menghabiskan bacaan 30 juz Al-Quran dalam kalangan ahli masing-masing sepanjang bulan

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1

2

3

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

KE ARAH MEMELIHARA KEPENTINGAN KEBERSIHAN TANAH PERKUBURAN



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadij
Foto : Ihsan Universiti Islam Sultan Sharif Ali

KAMPUNG LUMAPAS, Khamis, 19 Februari. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lumapas 'A' dengan kolaborasi para pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan Kempen Kebersihan bertempat di Tanah Perkuburan Islam Datu Ahmad Mukim Lumapas, hari ini.

Aktiviti yang diadakan bersempena menyambut bulan Ramadan itu disertai oleh kira-kira 30 orang ke arah sama-sama memelihara kepentingan kebersihan yang dititikberatkan dalam Islam termasuk juga di tanah perkuburan.

Menurut Ketua Kampung Lumapas 'A', Awang Mohammad Asrin bin Haji Bakar, juga selaku Pengerusi MPK Lumapas 'A', aktiviti itu bukan sahaja bertujuan bagi membersihkan kawasan perkuburan, malah sebagai satu peringatan kepada semua tentang

hakikat kehidupan serta kewajipan menjaga amanah tempat persembahdian umat Islam.

Adanya program seumpama ini katanya, dapat memupuk semangat gotong-royong dan kerjasama yang erat antara MPK Lumapas 'A' dan para penuntut UNISSA, khususnya dalam kalangan belia, sekali gus menjadi contoh teladan kepada golongan belia di luar sana untuk terus bergiat aktif dalam aktiviti kemasyarakatan dan keagamaan.

Awang Mohammad Asrin seterusnya menzahirkan penghargaan terima kasih kepada semua yang terlibat dan kemudiannya berharap agar aktiviti seperti itu dapat diteruskan serta diperluaskan dengan penyertaan yang lebih ramai, terutama sekali daripada golongan belia.

"Semoga segala usaha dan amal kebajikan yang dilaksanakan ini

KEMPEN kebersihan anjuran Majlis Perundingan Kampung Lumapas 'A' dengan kolaborasi para pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali disertai oleh seramai kira-kira 30 orang (atas kiri dan atas).

diterima sebagai ibadah di sisi Allah Subhanahu Wata'ala, serta menjadi asbab turunnya rahmat dan keberkatan kepada kita semua," katanya lagi.

Selesai kempen tersebut diteruskan dengan bacaan tahlil dipimpin oleh Awang Mohammad Ammar Asryad bin Hazman sebagai tanda penghormatan sekali gus memanjatkan doa yang dibacakan oleh Profesor Madya Dr. Anis Malik Toha dikhususkan kepada mereka yang telah kembali ke rahmatullah.

SUASANA semasa kempen kebersihan berkenaan dijalankan.



PENTING untuk kita berbuka puasa dengan tidak berlebih-lebihan atau membazir makanan dan minuman, malah mengutamakan keperluan asas sahaja seperti memakan kurma dan minum air putih.

Berbuka puasa secara bersederhana, elak pembaziran

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Februari. - Islam mengajarkan umatnya untuk bersikap sederhana dalam segala aspek kehidupan, termasuk dalam berbuka puasa.

Berbuka puasa dengan secara bersederhana dan mengelakkan pembaziran adalah amalan yang baik dan ia dianjurkan dalam Islam.

Bukan itu sahaja, ini juga adalah penting untuk memastikan amalan berbuka puasa yang beretika, berkesan, dan tidak membazir makanan.

Maka daripada itu, adalah penting untuk kita berbuka puasa dengan tidak berlebih-lebihan atau membazir makanan dan minuman, malah mengutamakan keperluan asas sahaja seperti memakan kurma dan minum air putih.

Hal ini bertujuan untuk menunjukkan rasa syukur kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan menghindarkan sikap berlebih-lebihan yang boleh membawa kepada pembaziran, di samping supaya kita dapat menunaikan amalan yang baik.

Dengan cara berkenaan dapat membantu memupuk sikap bersederhana,

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



menghargai nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala serta mengelakkan pembaziran yang akhirnya boleh memberi manfaat kepada diri sendiri dan masyarakat.

Oleh itu, marilah kita mengajak umat Islam untuk berbuka puasa dengan penuh kesederhanaan, bersyukur atas

nikmat yang diberikan, dan menghindari pembaziran.

Dengan cara berkenaan, kita dapat menjaga nilai-nilai keberkatan dan kesederhanaan dalam Islam, serta menanamkan lagi rasa syukur dan keinsafan. Dengan amalan sebegini akan menjadi ibadah yang mendatangkan keberkatan dan rahmat dari-Nya jua.

SEMAI NILAI MURNI, TANGGUNGJAWAB SOSIAL BERSAMA



AKTIVITI membersihkan Tanah Perkuburan Islam Kampung Mentiri yang dikendalikan oleh Majlis Perundingan Mukim Mentiri bertujuan untuk menyuburkan nilai murni dan tanggungjawab sosial bersama, selain menjaga keindahan fizikal tanah perkuburan.

■ Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

MENTIRI, Khamis, 19 Februari. - Amalan bergotong-royong membersihkan kawasan tanah perkuburan dapat memupuk semangat perpaduan dan silaturahmi dalam kalangan masyarakat di samping menjaga kesucian serta kebersihan tanah perkuburan.



Mukim (MPM) Mentiri berinisiatif dengan mengendalikan aktiviti membersihkan Tanah Perkuburan Islam Kampung Mentiri, di sini.

Hadir menyertai gotong-royong ialah Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Awang Faidil Rosemady bin Mohamad yang juga selaku Ketua Kampung Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor, Mukim Mentiri.

Sejurus kerja pembersihan selesai, bacaan Tahlil dan Doa Arwah disedekahkan kepada mereka yang sudah kembali ke rahmatullah yang dipimpin oleh Pemangku Ketua Kampung Sungai Buloh, Pengiran Halidi bin Pengiran Ibrahim.

Awang Faidil Rosemady melahirkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang turut sama mengulurkan dari segi tenaga bagi mengekalkan tanah perkuburan sentiasa bersih dan tiada samak samun demi kesejahteraan bersama terutama sekali keselesaan para pengunjung.

Selain itu, dengan adanya aktiviti kebersihan yang diungkayahkan ini juga katanya, merupakan salah satu kerja kebajikan dan jariah kita terutama sekali di bulan Ramadan yang suci ini yang bukan sahaja menjaga keindahan fizikal tanah perkuburan tetapi juga menyuburkan nilai murni dan tanggungjawab sosial bersama.

Juga hadir semasa aktiviti tersebut ialah ketua-ketua kampung dan pemangku ketua kampung di bawah Mukim Mentiri.

Memupuk amalan mempraktikkan sifat kebersihan



KETUA Kampung Lumapas 'A' hadir bersama para penduduk semasa kempen kebersihan anjuran Majlis Perundingan Kampung Lumapas 'A' dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Lumapas.

KAMPUNG LUMAPAS, Rabu, 18 Februari. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lumapas 'A' dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Kampung Lumapas berkolaborasi bergotong-royong membersihkan Masjid Kampung Lumapas bersempena menyambut bulan Ramadan 1447 Hijrah / 2026 Masihi pada kali ini. Hadir menyertai kempen kebersihan itu ialah Ketua Kampung Lumapas 'A', Awang

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Lumapas 'A'

Mohammad Asrin bin Haji Bakar bersama para penduduk dan AJK Takmir masjid berkenaan.

Menurut Awang Mohammad Asrin yang juga selaku Pengerusi MPK menyatakan bahawa aktiviti membersihkan masjid ini diadakan bersempena kedatangan bulan Ramadan yang mulia dengan tujuan untuk menjaga kesucian dan kebersihan rumah Allah.

Katanya lagi, di samping mengeratkan semangat gotong royong serta kerjasama dalam kalangan penduduk kampung, ia juga merupakan persediaan rohani agar ibadah yang dilaksanakan sepanjang bulan Ramadan dapat dilakukan dengan lebih khusyuk dan diberkati.

"Apa yang diharapkan adalah agar usaha murni ini mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, dapat mengeratkan lagi silaturahmi dalam kalangan penduduk kampung serta menjadi pemangkin ke arah mengimarahkan masjid sepanjang Bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini," tambahnya lagi.

Aktiviti kebersihan yang disertai lebih kurang 100 orang itu sekali gus akan dapat memupuk lagi amalan dalam sama-sama mempraktikkan sifat kebersihan walau di mana pun terutama sekali di tempat ibadah lagi suci.

KADAR NISAB ZAKAT
TAHUN 1447H / 2026M

\$13,463.15

BERSAMAAN NILAI EMAS 85G (\$158.39)

KADAR NISAB INI BERMULA PADA
28 SYAABAN 1447H BERSAMAAN 16 FEBRUARI 2026M

Nisab Zakat Harta Bagi Tahun 1447H bersamaan 2026M adalah merujuk Surat Pemberitahuan Majlis Ugama Islam Brunei bilangan 1/2025 bertarikh 28hb Sya'aban 1447H bersamaan 16hb Februari 2026M

CARA PENGIRAAN ZAKAT WANG SIMPANAN
Sekiranya harta wang simpanan yang dimiliki telah sampai nisabnya dan cukup haulnya (selama satu tahun), maka wajiblah dikeluarkan zakatnya sebanyak 2.5% atau 1/40 daripada hartanya

Jumlah Simpanan × **2.5% (Kadar Zakat)**
 = **Jumlah Zakat yang perlu dikeluarkan**

\$13,463.15 × **2.5% (Kadar Zakat)**
 = **\$336.57**

KADAR BAYARAN ZAKAT HARTA [WANG SIMPANAN]

HARTA (WANG SIMPANAN)	KADAR ZAKAT	ZAKAT YANG WAJIB DIKELUARKAN
\$13,463.15	2.5% atau 1/40	\$336.57
\$14,000.00		\$350.00
\$15,000.00		\$375.00
\$20,000.00		\$500.00
\$30,000.00		\$750.00
\$50,000.00		\$1,250.00
\$100,000.00		\$2,500.00
\$300,000.00		\$7,500.00
\$500,000.00		\$12,500.00
\$1,000,000.00		\$25,000.00

RASULULLAH SHALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM TELAH BERSABDA YANG BERMAKSUD :

"TIDAK DIKENAKAN KE ATAS MU APA-APA (ZAKAT) SEHINGGA SAMPAI DUA PULUH DINAR. JIKA KAMU MEMILIKI DAN SAMPAI HAULNYA. MAKA PADANYA (ZAKAT) SETENGAH DINAR".

[HADIS RIWAYAT ABU DAUD DAN BAIHAQI]

½ DINAR ITU ADALAH 1/40 (2.5%) DARIPADA 20 DINAR. BERDASARKAN KIRAAN SEKARANG 20 DINAR (MITSQAL) EMAS ITU BERSAMAAN DENGAN 85 GRAM EMAS.

JUMHUR ULAMA FIQH TELAH MENGATAKAN WAJIB ZAKAT PADA MATAWANG (BANKNOTE). BANKNOTE TERSEBUT TELAH MENGGANTIKAN MATAWANG EMAS DAN PERAK YANG DIGUNAKAN OLEH ORANG-ORANG ARAB TERDAHULU DALAM BERURUSNIAGA SEBELUM KEDATANGAN ISLAM. MATAWANG EMAS DIKENALI SEBAGAI DINAR DAN MATAWANG PERAK SEBAGAI DIRHAM.

www.mora.gov.bn
[juzwab_kheu](#)
[juzwab](#)

AGM BANTU MEMPERKUKUH PERANAN MKOKU



SESI bergambar ramai pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) kali Ke-5 bagi pemilihan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya bagi penggal 2026 hingga 2028.

Berita dan Foto : Ihsan Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Februari. - Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) kali Ke-5 membantu memperkukuhkan lagi peranan Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) sebagai badan penyelaras utama dalam memperjuangkan hak, kebajikan dan inklusiviti golongan Orang Kelainan Upaya di Negara Brunei Darussalam. MKOKU menegaskan komitmen berterusan untuk bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan dalam memastikan masyarakat OKU terus diberi perhatian, peluang serta sokongan yang sewajarnya demi kesejahteraan bersama.

Sehubungan itu, AGM kali Ke-5 MKOKU bersama sembilan buah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Orang Kelainan Upaya (OKU) yang bernaung di bawahnya akan menjadi platform penting dalam memperkukuhkan kerjasama antara pertubuhan-pertubuhan OKU di negara ini. Mesyuarat berkenaan turut membincangkan hala tuju dan

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

كلمتورين كسحمتين
KEMENTERIAN KESEHATAN
MINISTRY OF HEALTH

پنغسانان اوال داپات منسلامات نياوا
Selamatkan Usus Awda

perancangan strategik bagi memperkasakan kebajikan serta kesejahteraan golongan OKU. Antara agenda utama mesyuarat ialah pemilihan Ahli Jawatankuasa Tertinggi MKOKU bagi penggal 2026 hingga 2028. Pemilihan ini bertujuan memastikan kepimpinan yang berwibawa dan berkesinambungan dalam menerajui usaha memperjuangkan hak serta kepentingan komuniti OKU. Ahli Jawatankuasa Tertinggi MKOKU bagi Tahun 2026-2028 menyaksikan pelantikan Yang Dipertua, Awang Mohd. Hamzi bin Omar dan Timbalan Yang Dipertua, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang.

Naib Yang Dipertua 1 disandang oleh Awang Haji Sahari bin Haji Tinggal; Pengiran Haji Norahalim bin Pengiran Haji Abd. Rahman dilantik sebagai Naib Yang Dipertua 2; manakala Awang Muhammad Izzan Shafree bin Radat sebagai Naib Yang Di-Pertua 3. Dayang Hajjah Haji Moktal dilantik sebagai Setiausaha Agung, manakala Awang Saimi bin Haji Omar sebagai Timbalan Setiausaha Agung. Bagi jawatan Bendahari Agung dan Timbalannya, masing-masing diterajui oleh Awang Haji Tuming bin Haji Jais dan Dayang Noor Ani Adriana @ Khairah binti Haji Awang Adanan.

34 pain darah berjaya dikumpulkan

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Februari. - Sebanyak 34 pain darah berjaya dikumpulkan semasa Kempen Derma Darah yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) baru-baru ini. Kempen yang diadakan di Dewan Amar Pahlawan di Kementerian berkenaan adalah dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kementerian Kesihatan. Kempen berkenaan antara lain bertujuan untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan menderma darah kerana ia boleh menyelamatkan nyawa. Selain itu, kempen berkenaan juga sebagai salah satu usaha untuk membantu Pusat Pendermaan Darah meningkatkan tabung simpanan darah pada masa ini.



ANTARA yang hadir menyertai Kempen Derma Darah yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) yang diadakan di Dewan Ammar Pahlawan, KSSUP (atas dan atas kanan).

APAKAH YANG PERLU AWDA LAKUKAN DI RUMAH SEMASA MUSIM BANJIR?

PASTIKAN AWDA MENGIKUTI PERKEMBANGAN KEADAAN BANJIR DAN AMARAN CUACA

APABILA BEKALAN ELEKTRIK TERPUTUS ATAU AIR MULAI NAIK, MATIKAN GAS, BEKALAN ELEKTRIK DAN AIR DI RUMAH AWDA

CABUT DAN MATIKAN PLUG PERKAKAS ELEKTRONIK APABILA RUMAH AWDA MULA DILANDA BANJIR

IKAT ATAU SIMPAN BARANG LUAR DI DALAM RUANG STOR ATAU TEMPAT TERTUTUP

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Peranan Kewangan Islam dalam Pembangunan Ekonomi'. Tarikh Tutup : 25 Februari 2026
- 'Memperkasa Budaya Membaca'. Tarikh Tutup : 4 Mac 2026
- 'Puasa Sebagai Latihan Disiplin Diri'. Tarikh Tutup : 11 Mac 2026

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
SETIAP MINGGU
Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang




Sila imbas untuk
khutbah lengkap



جباتن حال احوال مسجد
JABATAN HAL EHWAL MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MENSYUKURI NIKMAT KEMERDEKAAN DI BULAN YANG MULIA

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 02 Ramadan 1447H / 20 Februari 2026M



**TAHUN INI AMAT ISTIMEWA KERANA BERTEPATAN
DENGAN SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-42**

Sebagai anak watan dan bangsa Brunei yang merdeka:

- Bersama-sama berusaha memajukan negara ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.
- Menanam dan menyemarakkan semangat kebangsaan.
- Memperkukuh perpaduan serta bersatu hati dalam menzahirkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja dan negara.
- Berganding bahu, memainkan peranan masing-masing serta menjadi aset bernilai dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035.



Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam

Mensyukuri nikmat kemerdekaan di bulan yang mulia



BERTAKWALAH kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Alhamdulillah bulan Ramadan yang mulia kini datang lagi, bulan yang dipenuhi dengan rahmat dan maghfirah. Inilah bulan yang mengalir padanya lautan keampunan, dibuka seluas-luasnya pintu-pintu syurga dan ditutup rapat pintu-pintu neraka. Maka alangkah ruginya jika peluang keemasan ini kita biarkan berlalu begitu sahaja tanpa dimanfaatkan dengan sebaiknya.

Ramadan adalah bulan yang dianugerahkan Allah Subhanahu Wata'ala kepada umat Islam dengan limpahan rahmat, di mana setiap amal ibadah yang dilakukan akan digandakan pahalanya. Oleh itu, amat beruntunglah bagi

mereka yang merebut ganjaran yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan amat rugilah mereka yang mensia-siakan peluang yang tidak ternilai ini. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Barang siapa yang mendirikan Ramadan dengan penuh keimanan dan penuh pengharapan, maka akan diampunkan dosanya yang telah lalu". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala telah menjanjikan ganjaran yang sangat besar dan istimewa bagi hamba-hamba-Nya yang berpuasa dengan penuh keimanan dan penuh pengharapan. Antara ganjaran tersebut ialah, pada hari akhirat kelak, Allah Subhanahu Wata'ala akan menyediakan satu pintu-pintu syurga yang dihaskan untuk orang-orang yang berpuasa. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Sahal bin Sa'ad Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Sesungguhnya di syurga ada satu pintu yang diberi nama Ar-Rayyan, iaitu pintu masuk bagi orang yang berpuasa di hari kiamat nanti. Tidak akan masuk daripada pintu itu kecuali orang yang berpuasa pun bangun (memasukinya) tidak ada yang akan memasukinya melainkan mereka sahaja. Apabila mereka memasukinya, pintu itu akan ditutup, maka tiada siapa lagi yang akan dapat memasukinya".

Sesungguhnya syurga itu amat indah dan terlalu mahal harganya. Sudah pasti untuk memasukinya memerlukan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Luas serta usaha yang bersungguh-sungguh daripada hamba-hamba-Nya. Ramadan adalah medan latihan terbaik untuk

membentuk diri agar layak menerima anugerah yang agung itu. Justeru, berpuasalah bukan sekadar menahan lapar dan dahaga, akan tetapi jadikanlah ia sebagai jalan menuju keampunan, rahmat dan pintu syurga Ar-Rayyan yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Ramadan pada tahun ini amat istimewa kerana bertepatan dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, menjadikan bulan yang penuh keberkatan ini lebih bermakna buat kita semua. Sebagai rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi Darussalam yang tercinta ini, kita hendaklah sentiasa menzahirkan rasa syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat keamanan, nikmat kesejahteraan dan nikmat kemakmuran yang dikurniakan-Nya kepada kita hingga ke hari ini. Semoga keberkatan Ramadan ini memperkukuh lagi semangat kesatuan dan cintakan tanah air dalam diri setiap rakyat dan penduduk di bumi bertuah ini.

Semua ini adalah dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua dan atas kebijaksanaan kepimpinan raja kita iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Baginda sentiasa berpegang teguh kepada ajaran agama Islam dan menjadikan Islam sebagai asas utama dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

Sebagai anak watan dan bangsa Brunei yang merdeka, marilah kita bersama-sama terus berusaha memajukan negara ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035. Bagi memastikan kejayaan wawasan ini, kita hendaklah menanam dan menyemarakkan semangat kebangsaan, memperkukuh

perpaduan serta bersatu hati dalam menzahirkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja dan negara.

Setiap rakyat dan penduduk di bumi Darussalam yang bertuah ini hendaklah berganding bahu dan menggembleng tenaga, memainkan peranan masing-masing serta menjadikan diri mereka sebagai aset yang bernilai dalam usaha membangunkan negara ke arah merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Akhirnya, sebagai tanda kesyukuran kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan nikmat kemerdekaan yang telah dikurniakan, marilah kita bersama-sama menzahirkan rasa syukur ini dengan memperbanyakkan doa dan amal soleh, khususnya di bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini. Bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang Ke-42 Tahun, marilah kita merafakkan doa ke hadirat Illahi agar Negara Brunei Darussalam sentiasa kekal sebagai sebuah negara yang merdeka, berdaulat, aman dan makmur. Semoga keberkatan Ramadan ini memperteguh iman dan perpaduan kita serta membawa rahmat berpanjangan kepada bumi Darussalam yang tercinta ini. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Berzikirlah mengingati Allah dengan zikir yang sebanyak-banyaknya dan bertasbihlah kepada-Nya pada waktu pagi dan petang. Dialah yang mengurniakan rahmat kepada kamu dan malaikat-malaikat pula (berdoa memohonkan ampun bagi kamu) untuk mengeluarkan kamu daripada kegelapan-kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). Dan Dia adalah Maha Pengasih kepada orang-orang yang beriman". (Surah Al-Ahzab, ayat 41-43)

Kunjungan eratkan ukhuwah, perpaduan BBC



SESI bergambar ramai di majlis berkenaan yang telah mengambil tempat di kediaman Yang Dipertua Kedua Bersatu Bikers Club di Kampung Bukit Udal, Tutong.

Siaran Akhbar dan Foto : Bersatu Bikers Club Negara Brunei Darussalam

TUTONG, Rabu, 18 Februari. - Jawatankuasa Tadbir dan ahli Bersatu Bikers Club Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mengadakan kunjungan ke kediaman Yang Dipertua Kedua Bersatu Bikers Club di Kampung Bukit Udal, Tutong.

Hadir pada majlis berkenaan, Yang Dipertua Bersatu Bikers Club NBD (BBC 10), Awang Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi; dan Timbalan Yang Dipertua

Bersatu Bikers Club NBD (BBC 21), Pengiran Mohammad Aderus bin Pengiran Haji Tengah.

Turut hadir, Yang Dipertua Ketujuh (BBC 14), Awang Matassan bin Haji Halus; Penasihat (BBC 23), Awang Haji Hassan bin Haji Tudin; (BBC 137), Awang Bahrin bin Haji Timbang sebagai Pengerusi Keselamatan, Kebajikan dan Riadah BBC; serta ahli

jawatankuasa tadbir dan ahli-ahli BBC.

Seramai 23 ahli BBC hadir pada Majlis Silaturahmi berkenaan dengan pengisian acara bertahil dan Doa Arwah yang dipimpin oleh (BBC 94), Awang Qadrullah bin Haji Abdul Rahman.

Selepas itu, acara diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Dipertua Kedua (BBC 53), Awang Jahali bin Suhaili, yang antara lain menzahirkan rasa syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala atas kenikmatan yang dikurniakan dan

TAHUKAH AWDA?

جائز تنگه
SABATAN TENAGA

APA ITU TENAGA SURIA?

- ☀️ Tenaga suria adalah salah satu tenaga yang boleh diperbaharui yang dijana oleh matahari.
- ☀️ Cahaya matahari ditukar kepada tenaga elektrik melalui alat yang dikenali sebagai panel solar fotovoltaik.

Terdapat 3 jenis sistem tenaga suria

ATAS GRID	LUAR GRID	HIBRID
Bersambung dengan grid utiliti.	Bergantung kepada panel solar dan bateri sahaja.	Gabungan sistem penyimpanan tenaga elektrik melalui bateri dengan grid.

TAHUKAH AWDA?

Dengan sistem atas grid, sebarang kelebihan tenaga elektrik yang awda hasilkan boleh dieksport kembali ke grid utiliti melalui Program **Net-metering**.

www.energy.gov.bn
 renewable.energy.gov.bn
 + 675 2584488 ext 3271

mengucapkan terima kasih atas kenangan baik dan penghormatan ahli BBC kepada beliau.

Beliau juga menyahut baik atas usaha ukhuwah dan perpaduan yang menjadi prinsip BBC ke arah menyatukan ahli yang lama kembali bersama dalam persahabatan yang sejati.

Sementara itu, (BBC 137), Awang Bahrin bin Haji Timbang pula menyatakan bahawa beliau dilantik dan diberikan kepercayaan oleh Yang Dipertua BBC pada ketika ini untuk melaksanakan tanggungjawab yang diberikan sekali gus menyuntik semangat buat BBC untuk terus mengadkan acara ukhuwah bersama ahli dalam memastikan kegiatan

kebijakan dan riadah diadakan selain menganjurkan acara keugamaan secara berterusan dan ditambah lagi dalam bulan Ramadan ini.

Acara penyampaian cenderamata turut diadakan bagi penyerikan acara. Penyampaian cenderamata daripada pihak BBC disempurnakan oleh Yang Dipertua (BBC 10) Awang Haji Mohammad Isa kepada Yang Dipertua Kedua (BBC 53), Awang Jahali, diikuti dengan sesi bergambar ramai.

Sebelum acara bersurai, Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan Dan NBD dibacakan oleh Pengerusi Keugamaan (BBC 94), Awang Qadrullah.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحْنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقَنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِعْظَارِ

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَفَرَّجَ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقَضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالَ بِهِ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى إِلَيْهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أُبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأُبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempatan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. **وَلَا يَأُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ** Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوِضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

TINGKATKAN AMAL IBADAH DENGAN TADARUS AL-QURAN

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 Februari. - Bulan Ramadan merupakan bulan penuh keberkatan di mana umat Islam digalakkan meningkatkan amal ibadah dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Antara amalan yang sangat dititikberatkan semasa bulan Ramadan ialah tadarus Al-Quran iaitu aktiviti membaca, mengkaji dan memahami Al-Quran secara berkumpulan atau bersendirian.

Percakapan tadarus berasal daripada bahasa Arab yang membawa maksud belajar atau mengulang kaji bersama.

Dari segi amalan pula, tadarus

merujuk kepada usaha membaca Al-Quran dengan penuh penghayatan, menyemak tajwid, dan memahami tafsir ayat-ayat suci.

Aktiviti ini bukan sahaja menguatkan hubungan dengan Al-Quran tetapi turut meningkatkan kesedaran dan kefahaman terhadap tuntutan syariat.

Bulan Ramadan mempunyai kedudukan istimewa kerana pada bulan inilah Al-Quran diturunkan sebagai petunjuk buat manusia sepertimana firman Allah Subhanahu Wata'ala yang bermaksud: "*Bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian*

manusia dan menjadi keterangan yang menjelaskan petunjuk itu dan membezakan antara yang benar dengan yang salah". (Surah Al-Baqarah, Ayat 185).

Membaca Al-Quran pada bulan Ramadan bukan sahaja mendatangkan pahala yang berlipat ganda, malahan juga memberi peluang kepada umat Islam memperdalam penghayatan terhadap kandungan Al-Quran, seterusnya meningkatkan mutu ibadah harian.

Walaupun tadarus lazimnya dijalankan di masjid atau surau, ia juga boleh dilaksanakan di rumah terutama bagi mereka yang menghadapi keangasan masa atau tinggal jauh daripada masjid.

Ini membolehkan ahli-ahli keluarga membaca Al-Quran



TADARUS Al-Quran iaitu aktiviti membaca, mengkaji dan memahami Al-Quran secara berkumpulan atau bersendirian ialah antara amalan yang sangat dititikberatkan semasa bulan Ramadan.

bersama-sama dan bergilir-gilir membaca ayat-ayat suci.

Selain itu, dengan kemajuan teknologi, tadarus juga boleh dijalankan secara dalam talian melalui kelas atau kumpulan tadarus secara maya.

Ini memberikan fleksibiliti dan membolehkan umat Islam

mengekalkan amalan ibadah walaupun tidak dapat hadir ke masjid.

Sama ada dilakukan di masjid atau di rumah, amalan tersebut harus diteruskan agar bulan Ramadan benar-benar menjadi bulan pembelajaran dan penghayatan terhadap Al-Quran.

Sambutan Hari Kebangsaan tampilkan aspek kerohanian, keberkatan Ramadan



BEBERAPA acara keagamaan akan diadakan bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan pada tahun ini.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 Februari. - Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada tahun 2026 memperlihatkan pendekatan yang berbeza berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Walaupun diraikan setiap tahun pada 23 Februari sebagai tanda

memperingati Hari Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam, suasana dan pengisian acara menunjukkan kelainan yang ketara pada tahun ini.

Perbezaan yang paling signifikan ialah sambutan pada tahun 2026 berlangsung dalam bulan suci Ramadan. Keadaan dan

waktu ini secara langsung mempengaruhi bentuk dan perjalanan acara.

Jika sebelum ini sambutan lebih tertumpu kepada perhimpunan besar, perarakan dan persembahan patriotik, namun pada tahun ini menampilkan pendekatan yang lebih kepada kesederhanaan dan berunsur kerohanian serta keagamaan bagi menghormati bulan Ramadan yang penuh berkah.

Selaras dengan prinsip negara selaku sebuah negara yang sentiasa mengharapkan taufik dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala serta keberkatan-Nya, beberapa acara keagamaan akan diadakan bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan pada tahun ini seperti tahun-tahun sebelumnya.

Majlis utama bagi meraikan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42 ialah Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran yang akan diadakan pada Isnin, 5 Ramadan 1447 Hijrah bersamaan 23 Februari 2026 Masihi bermula pada pukul 11.30 pagi di Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah, Kampung Kiarong sebagai tumpuan utama.

Majlis Kesyukuran tersebut akan diadakan secara serentak di semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara. Di Daerah Belait, tumpuan utama adalah di Masjid Mohammad Jamalul Alam, manakala tumpuan utama di Daerah Tutong adalah di Masjid Hassanil Bolkihah; manakala di Daerah Temburong, tumpuan utama adalah di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Secara keseluruhannya, perbezaan utama sambutan pada tahun ini terletak pada konteks keadaan dan waktunya kerana pada tahun ini Sambutan Hari Kebangsaan berlangsung dalam bulan Ramadan.

Manakala pada tahun sebelumnya lebih menampilkan suasana perayaan yang berskala besar dan dirayakan dengan penuh kemeriahan. Akan tetapi perbezaan sambutan pada tahun ini dan sebelumnya tetap mencerminkan semangat cintakan negara melalui pendekatan yang berbeza mengikut dengan kesesuaian dengan keadaan dan waktu Sambutan Hari Kebangsaan berlangsung.

Mendidik anak agar cintakan masjid



KEHADIRAN kanak-kanak ke masjid perlu digalakkan secara berhemah agar mereka berasa dihargai dan terdorong untuk terus mendekati ilmu agama sekali gus mempelajari perkara baharu.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 Februari. - Bulan suci Ramadan kembali menyinari umat Islam, membuka ruang untuk meningkatkan amal ibadah serta menyemai nilai kesabaran dan keinsafan dalam diri setiap individu.

Pada bulan yang penuh keberkatan ini, setiap detik dimanfaatkan untuk mempertingkatkan keimanan serta memperkukuh hubungan sesama kita. Ramadan bukan sahaja bulan menahan lapar dan dahaga, tetapi juga kesempatan untuk mendidik jiwa dan membentuk akhlak terpuji.

Dalam suasana penuh rahmat ini, ibu bapa turut mengambil kesempatan mendidik anak-anak agar lebih dekat dengan masjid dan menanamkan rasa cinta terhadap rumah Allah Subhanahu Wata'ala sejak usia muda.

Justeru, masjid menjadi destinasi utama keluarga untuk menunaikan Solat Fardu dan Solat Sunat Tarawih secara berjemaah. Di masjid-masjid sudah mula mengimarahkan Ramadan dengan pelbagai aktiviti seperti Tadarus Al-Quran dan program khas kanak-kanak bagi menarik minat golongan muda.

Kehadiran kanak-kanak ke masjid perlu digalakkan secara berhemah agar mereka berasa dihargai dan terdorong untuk terus mendekati ilmu agama sekali gus mempelajari perkara baharu.

Ibu bapa juga memainkan peranan penting dengan memberi tunjuk ajar tentang adab berada di masjid, selain menjadi contoh teladan dalam menunaikan ibadah secara berterusan.

Pembentukan minat terhadap masjid perlu dipupuk agar ia menjadi sebahagian daripada gaya hidup anak-anak. Marilah kita sama-sama mewujudkan suasana mesra keluarga agar masjid kekal menjadi wadah pengimarahkan keluarga dan juga masyarakat.

Semoga Ramadan kali ini menjadi titik permulaan dalam melahirkan generasi muda yang bukan sahaja rajin beribadah, malah sentiasa memakmurkan masjid sebagai nadi kehidupan umat Islam.

ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

GERAI RAMADAN MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG PERPINDAHAN SERASA DIRASMIKAN



Berita dan Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Perpindahan Serasa

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 Februari. - Sempena bulan Ramadan tahun ini, Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Perpindahan Serasa menganjurkan Gerai Jualan Ramadan yang bermula pada 19 Februari 2026 bersamaan 1 Ramadan 1447 Hijrah bertempat di kawasan lapang berdekatan Masjid Kampung Perpindahan Serasa Muara.

Gerai Ramadan tersebut

dirasmikan oleh Penasihat Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Perpindahan Serasa, Dato Seri Setia Haji Kasim bin Haji Lamat.

Tujuan utama Ahli Jawatankuasa MPK menganjurkan gerai jualan ini adalah memberikan kemudahan para penduduk untuk mendapatkan juadah berbuka puasa, bersahur dan juga untuk menempah kuih-muih bagi



PENASIHAT Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Perpindahan Serasa hadir merasmikan Gerai Ramadan berkenaan (atas). Manakala gambar atas kiri, antara peniaga yang menyertai gerai berkenaan (atas kiri).

persediaan Sambutan Hari Raya tahun ini.

Di samping, ia juga bagi menjana pendapatan dan perekonomian penduduk kampung yang menyertai gerai berkenaan.

Gerai ini dibukakan kepada para peniaga dan penjaja khasnya penduduk Kampung Perpindahan

Serasa dan sekitarnya.

Bagi yang berminat, boleh menghubungi Pemangku Ketua Kampung Perpindahan Serasa.

Untuk penyertaan kali pertama dianjurkan, sebagai amal jariah, jawatankuasa penganjur akan menanggung semua kos perbelanjaan menyediakan

kelengkapan tapak gerai berkenaan dan penyertaan adalah percuma.

Ahli Jawatankuasa MPK berharap agar Gerai Ramadan ini akan mendapat sambutan orang ramai sekali gus merasa hasil kerja tangan sendiri penduduk kampung.

BDCB terbitkan BSI Disember 2025

Siaran Akhbar dan Infografik : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 Februari. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan ataupun Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi Disember 2025. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik yang dijalankan ke atas sekitar 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar dari 11 sektor ekonomi di seluruh negara.

BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen / keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dan ia merangkumi pelbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu penunjuk awal keadaan makroekonomi negara.

Indeks utama BSI, iaitu Sub-indeks Keadaan Perniagaan, adalah 50.3 bagi Disember 2025. Ini menunjukkan keadaan perniagaan yang lebih baik berbanding bulan sebelumnya, terutamanya disebabkan faktor bermusim seperti pembayaran bonus pekerja di sektor awam, promosi jualan hujung tahun, dan peningkatan perbelanjaan pengguna semasa tempoh cuti sekolah. Walaupun terdapat beberapa pandangan pesimistik disebabkan oleh gangguan cuaca, aktiviti percutian ke luar negara, dan kelembapan projek dalam beberapa sektor, ia diimbangi oleh sentimen positif di kalangan perniagaan

besar dari industri-industri utama. Indeks bagi satu bulan ke hadapan adalah pada tahap 50.2 yang menunjukkan bahawa kebanyakan perniagaan kekal positif terhadap prospek Januari 2026. Ini didorong oleh jangkaan yang operasi akan kembali pada tahap normal selepas musim cuti, projek baharu, serta persiapan awal bagi musim perayaan seperti Tahun Baharu Cina dan Hari Raya Aidilfitri.

Sub-indeks Pelaburan adalah 50.4 bagi bulan Disember 2025, 50.6 bagi satu bulan ke hadapan, dan 50.3 bagi tiga bulan ke hadapan. Ini mencerminkan jangkaan bahawa tahap pelaburan akan meningkat dalam beberapa bulan akan datang. Pada Disember 2025, kebanyakan perniagaan mengaitkan peningkatan ini dengan penyelesaian projek pada akhir tahun termasuk pembelian mesin, penaiktarafan peralatan, dan kerja-kerja pengubahsuaian. Bagi beberapa bulan akan datang, pelaburan dijangka akan terus meningkat, sebahagian besarnya bagi persediaan dan penambahan stok untuk musim perayaan. Di samping itu, permulaan projek baharu, penandatanganan kontrak, pembelian lebih banyak jentera, pengubahsuaian, dan pembukaan cawangan baharu juga mendorong kepada peningkatan ini.

Sub-indeks Pengambilan Pekerja berada pada tahap 49.9 bagi bulan Disember 2025 dan satu bulan ke hadapan. Pada bulan Disember 2025, perniagaan sedikit pesimistik didorong oleh penurunan dalam jumlah pekerja disebabkan kakitangan yang



berhenti atau tamat kontrak, dan penyelesaian projek, khususnya dalam sektor seperti Minyak dan Gas dan Yang Berkaitan, Pembinaan, dan Perdagangan Borong dan Runcit. Sentimen pengambilan pekerja bagi satu bulan ke hadapan adalah pesimistik, didorong oleh penamatan kontrak, pengurangan tenaga kerja yang dirancang, dan penyelarasan operasi, walaupun sesetengah sektor menjangka akan mengambil beberapa pekerja untuk menampung projek baharu dan permintaan bermusim.

Sub-indeks Kos Perniagaan berada pada tahap 50.3 bagi bulan Disember 2025 dan 49.8 bagi bulan berikutnya. Pada bulan Disember 2025, peningkatan kos terutamanya disebabkan oleh pembayaran bonus akhir tahun, peningkatan perbelanjaan gaji disebabkan oleh pengambilan pekerja baharu bagi beberapa perniagaan, kenaikan gaji, serta gaji bagi kerja lebih masa dan perbelanjaan berkaitan dengan projek baharu dan juga pembelian bahan. Bagi Januari 2026, kos secara keseluruhan dijangka adalah sederhana berikutan tahap operasi yang akan kembali pada tahap normal, pengurangan perbelanjaan pemasaran selepas tempoh jualan akhir tahun, serta pelarasan gaji dan jumlah tenaga kerja.

Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman sesawang BDCB di www.bdc.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB [@centralbank.brunei](https://www.instagram.com/centralbank.brunei).



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama/tiada perubahan keatas/jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.

MEMBERSIHKAN TANAH PERKUBURAN GIAT DILAKSANAKAN



Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

SEKITAR Aktiviti Membersihkan Kawasan Tanah Perkuburan Orang Islam Pelabuhan Muara yang dikendalikan oleh Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim (MPM) Serasa (atas kiri dan atas kanan).

MUARA, Rabu, 18 Februari. - Kerja tanah perkuburan terus giat sebelum menyambut kedatangan gotong-royong dan membersihkan dilaksanakan terutama sekali Ramadan. Sehubungan itu, Ahli

Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim (MPM) Serasa

Aktiviti Tanah Islam Pelabuhan Muara.

Penghulu Mukim Serasa, Awang Saiful Adli bin Ali Hassan hadir bersama kira-kira 40 Ahli Jawatankuasa (AJK) MPM berkenaan mengukuhkan aktiviti tahunan berkenaan.

Sejurus selesai kerja bergotong-royong kebersihan tersebut, majlis diteruskan dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah yang dipimpin oleh Pemangku Ketua Kampung Perpindahan Serasa, Awang Abd. Hamid bin Haji Zainin. Juga hadir, Ketua Kampung Kapok, Pemangku Ketua Kampung Perpindahan Serasa, AJK Tertinggi, Ketua Biro dan Ahli MPM Serasa serta penduduk kampung mukim tersebut.

Memperkuh kerjasama menjayakan usaha kebajikan demi kesejahteraan mualaf



SESI penyerahan infak berupa barangan makanan asasi dilaksanakan melalui kunjungan ke kediaman enam buah keluarga mualaf yang menetap di Kampung Delima, Kampung Anggerek Desa, Kampung Subok dan Kampung Kota Batu (atas dan bawah kiri).

Siaran Akhbar Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Februari. - Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf), Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama Persatuan Nurul Islam (PNI) meneruskan lagi penyerahan infak berupa barangan makanan asasi di bawah Projek Fathul Barakah 7.0.

Majlis penyerahan berkenaan dilaksanakan melalui kunjungan ke

kediaman enam buah keluarga mualaf yang menetap di Kampung Delima, Kampung Anggerek Desa, Kampung Subok dan Kampung Kota Batu.

Hadir mengetuai rombongan, Ketua Bahagian Pembangunan Muallaf, PDI, KHEU, Pengiran Hajah Ida Fariani binti Pengiran Haji Kamaluddin.

Turut hadir, Penolong Ketua Bahagian Pembangunan Muallaf

(Tarbiyah Muallaf), PDI, KHEU, Dayang Nurhikmah binti Haji Idris; dan Penolong Ketua Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf), PDI, KHEU, Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin.

Projek Fathul Barakah 7.0 merupakan inisiatif PDI, KHEU dengan kerjasama Persatuan Saudara-saudara Baharu, bertujuan memberi peluang kepada orang ramai dalam sama-sama menyumbang infak jariah berupa keperluan asasi kepada asnaf mualaf yang memerlukan, khususnya menjelang ketibaan bulan Ramadan 1447 Hijrah.

Melalui sumbangan berkenaan, saudara - saudara baharu diharapkan dapat melaksanakan ibadah puasa dengan lebih selesa dan sempurna di samping menjalani kehidupan seharian mereka.

Selain membantu meringankan beban para penerima, projek seumpama berkenaan juga berperanan dalam mengeratkan silaturahim antara para mualaf dan warga PDI, serta memperkuh kerjasama dalam menjayakan usaha-usaha kebajikan demi kesejahteraan mualaf di Negara Brunei Darussalam.

Persiapan Gerai Ramadan Pasar Menjalin giat dilaksanakan

Oleh : Siti Rokiah Abdullah Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Kasat

KASAT, Rabu, 18 Februari. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kasat akan menganjurkan Gerai Ramadan yang akan diadakan di Pasar Menjalin.

Sehubungan dengan itu, persiapan untuk kelancaran gerai tersebut sedang giat dilaksanakan.

Penganjuran gerai Ramadan tersebut adalah sebagai inisiatif tahunan bagi memberi peluang kepada para peniaga tempatan, khususnya penduduk Kampung Kasat dan kawasan sekitarnya, untuk menjalankan perniagaan sepanjang bulan Ramadan.

Selain itu, ia juga bertujuan memmeriahkan suasana menjelang waktu berbuka puasa serta menyediakan pelbagai pilihan juadah berbuka kepada orang ramai.

Antara persiapan yang sedang dilaksanakan termasuk penyusunan tapak gerai, pengagihan lot kepada para peniaga, penyediaan kemudahan asas, serta penekanan terhadap aspek kebersihan dan keselamatan makanan. Pada masa yang sama, semua peniaga adalah diingatkan untuk mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan termasuk memastikan tahap kebersihan yang tinggi, penggunaan pakaian pengendali makanan yang sesuai, serta pematuhan kepada garis panduan pihak berkuasa berkaitan.

Dalam pada itu, MPK Kasat juga bekerjasama dengan pihak-pihak berkaitan bagi memastikan kelancaran perjalanan gerai sepanjang bulan Ramadan, termasuk dari segi pengurusan lalu lintas, kebersihan kawasan dan keselamatan pengunjung.

Orang ramai adalah dijemput untuk sama-sama memmeriahkan dan menyokong Gerai Ramadan di Pasar Menjalin, Sungai Asam sepanjang bulan Ramadan nanti.



PENYUSUNAN tapak gerai, pengagihan lot kepada para peniaga serta penekanan terhadap aspek kebersihan dan keselamatan makanan adalah antara persiapan yang dilaksanakan bagi Gerai Ramadan yang akan diadakan di Pasar Menjalin (atas dan bawah).





**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh
Tutup Tawaran:**
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang
Selasa,
3 Mac 2026

Bilangan:
JKR / DOR / SRC 09 / 2026

Nama Projek:
Jalan Masuk UTB

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
V Atau VI

Kategori:
M01

Tarikh Tutup:
Selasa,
24 Februari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 12 Tengah Hari

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BP / 02 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian
Sistem Penghawa Dingin
Di Bangunan Tarindak D' Seni,
Bandar Seri Begawan

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)



JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JPM / JKDN / UKDS / 25-26 -
SBH#19
Bagi Penyediaan, Perbekalan Dan
Penghantaran Air Minuman
5-Galon, Mesin Penapis Air
(Panas & Sejuk), Dan Air
Minuman Botol 600ml Bagi
Tempoh Dua (2) Tahun Di Blok 17,
Simpang 32-15, Kampung
Anggerek Desa, Jalan Anggerek
Desa, Mukim Berakas A, BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
19 Mac 2026
Jam 12.00 Tengah Hari

Yuran Tawaran:
Percuma

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:-
JPM / JKDN / UKDS / 25-26 -
SBH#18
Kontrak Bertempoh Dalam Masa
Dua (2) Tahun Bagi Perkhidmatan
Pengumpulan Sisa Domestik Unit
Keselamatan, Jabatan
Keselamatan Dalam Negeri
Di Blok 17, Simpang 32-15,
Kampung Anggerek Desa, Jalan
Anggerek Desa, Mukim Berakas
A, BB3510, Negara Brunei
Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
19 Mac 2026
Jam 12.00 Tengah Hari

Yuran Tawaran:
Percuma



**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**
001 / HQ / 2025-M (Lelong)
Jualan Lelong Bagi Alat
Menangkap Ikan Di Ibu Pejabat
Polis Marin, Muara

Keterangan Harta Benda:
Jaul (menggunakan joran) tidak
ada batu pemberat

Jumlah:
5 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND100.00

Keterangan Harta Benda:
Jaul (menggunakan kirikan saiz
besar) berserta 7-unit batu
pemberat saiz besar

Jumlah:
7 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND 87.50

Keterangan Harta Benda:
Rod Batang Joran sahaja

Jumlah:
1 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND 7.50

Keterangan Harta Benda:
Batu Pemberat (Besar)

Jumlah:
14 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND 10.50

Keterangan Harta Benda:
Batu Pemberat (Sederhana)

Jumlah:
25 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND9.40

Keterangan Harta Benda:
Kerikan Kosong (Besar)

Jumlah:
6 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND 5.00

Keterangan Harta Benda:
Anjun umpan tiruan jenis biasa

Jumlah:
5 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND1.25

Keterangan Harta Benda:
Jigging (Umpan tiruan) Beraneka
corak dan bentuk

Jumlah:
40 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND100.00

Keterangan Harta Benda:
Cool box saiz besar warna oren

Jumlah:
1 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND 25.00

Keterangan Harta Benda:
Perambut jenis steel

Jumlah:
1 Roll

Harga Indikasi Permulaan:
BND 1.25

Keterangan Harta Benda:
Perambut jenis tangsi

Jumlah:
10 Roll

Harga Indikasi Permulaan:
BND 7.50

Keterangan Harta Benda:
Siut Ikan 2 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND 4.00

Keterangan Harta Benda:
Tool box alat pancing
saiz besar

Jumlah:
1 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND 7.50

Keterangan Harta Benda:
Tool box alat pancing saiz
sederhana

Jumlah:
2 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND 5.00

Keterangan Harta Benda:
GPS Garmin (Model: GPS 73)

Jumlah:
1 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND 50.00

Keterangan Harta Benda:
Mata Kail saiz besar

Jumlah:
2 Kotak

Harga Indikasi Permulaan:
BND 5.00

Keterangan Harta Benda:
Mata Kail saiz sederhana

Jumlah:
3 Kotak

Harga Indikasi Permulaan:
BND 6.00

Keterangan Harta Benda:
Anjun umpan tiruan berbagai jenis

Jumlah:
21 Kotak

**Harga Indikasi
Permulaan:**
BND 10.50

Caj Borang:
BND2.00

Tarikh Tutup:
Rabu,
11 Mac 2026
Jam 10.00 Pagi



**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

**Tawaran Perkhidmatan Kantin
Bagi Sekolah Arab
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**Bilangan Tawaran Dan Nama
Sekolah Ugama:**
KHEU / JPI / KANTIN-A / 03 / 06
Sekolah Ugama Arab Menengah
Perempuan Raja Isteri Pengiran
Anak Hajah Saleha,
Katok,
Daerah Brunei Dan Muara

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
21 Ramadan 1447H /
11 Mac 2026M
Sebelum jam
12.00 Tengah Hari



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 /
ITAU / TA / PEN / 002
[JPPK/LTK/18/2025]
Proposed Design, Supply And
Installation Of New Cargo Lift
And Lift Shaft For CQB (Close
Quarter Battle) Complex,
Special Force Regiment Camp,
Penanjong Garrison

Kelas:
IV dan Ke Atas

Kategori:
E01 atau E02 atau KA01
atau KPME02 atau B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Empat (04) Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah pada
Selasa, 24 Februari 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
12.00 Tengah Hari,
3 Mac 2026 (Selasa)




**JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JMK / PKS / A / 2026-2027 / 004
Term-Contract Kerja-Kerja
Perkhidmatan Kutipan Sampah
Kawasan Luar Bangunan
Darulifta' Brunei Darussalam,
Jabatan Mufti Kerajaan,
Jabatan Perdana Menteri,
Simpang 26, Jalan Pengiran Babu
Raja, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
13 / 14 Ramadan 1447H
bersamaan 3 Mac 2026M
Jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JMK / BJS / A / 2026-2027 / 002
Term Contract Kerja-Kerja
Membersihkan Kawasan Luar Dan
Dalam Bangunan Darulifta' Brunei
Darussalam, Jabatan Mufti
Kerajaan, Jabatan Perdana
Menteri, Simpang 26,
Jalan Pengiran Babu Raja,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam (Blok
Pentadbiran Dan Perpustakaan
Islam Brunei Darussalam) Bagi
Tempoh Satu (1) Tahun

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
13 / 14 Ramadan 1447H
bersamaan 3 Mac 2026M
Jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JMK / PKKB / A / 2026-2027 / 001
Term Contract Perkhidmatan
Kawalan Keselamatan Bangunan
24 Jam Bagi Bangunan Darulifta'
Brunei Darussalam,
Jabatan Mufti Kerajaan,
Jabatan Perdana Menteri,
Simpang 26, Jalan Pengiran Babu
Raja, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
13 / 14 Ramadan 1447H
bersamaan 3 Mac 2026M
Jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JMK / PRL / A / 2026-2027 / 003
Term Contract Kerja-Kerja
Pemotongan Rumput Dan
Pemeliharaan Lanskap Kawasan
Luar Bangunan Darulifta Brunei
Darussalam, Jabatan Mufti
Kerajaan, Jabatan Perdana
Menteri, Simpang 26,
Jalan Pengiran Babu Raja,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
13 / 14 Ramadan 1447H
bersamaan 3 Mac 2026M
Jam 2.00 Petang


**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / MMD / 132 / 2025

Tajuk Tawaran:
Supply And Delivery Of Cone
Drive And Accessories For
Gadong Power Station 2

Tarikh Tutup:
24 Februari 2026
(Selasa, 12.00 Tengah Hari)

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Syarikat-Syarikat yang
berdaftar dengan Registry
of Companies and
Business Names Division
(ROCBN)

Dokumen-dokumen
tawaran dan
penerangan-penerangan
yang lanjut boleh diperoleh
di Kaunter Unit Tawaran
dan Sebut Harga,
Tingkat Empat (4),
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri.



Syarat Khas
Dibukakan Khas Bagi Warga
Negara Dan Penduduk Tetap
Negara Brunei Darussalam,
Pemilik Syarikat / Premis Syarikat
Hendaklah Beralamat
(Mengikut Sijil Perniagaan 16 / 17)
Di Tempat Kantin Berkenaan
Bertapak. Sebagai Contoh, Hanya
Pemilik Syarikat / Premis Syarikat
Yang Beralamat Di Daerah Brunei
Muara Yang Dapat
Dipertimbangkan Untuk
Mengendalikan Kantin Di
Sekolah-Sekolah Yang Bertapak
Di Daerah Brunei Muara.


KEMENTERIAN PENDIDIKAN
**Sebut Harga Bagi
Perkhidmatan Kantin**

**DA / JKSH / 02 / 2026 / 2027
[BPPA-FEB-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin
Bagi:
Sekolah Rendah Puser Ulak
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh
Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND160.00 Sebulan

**DA / JKSH / 03 / 2026 / 2027
[BPPA-FEB-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin
Bagi:
Sekolah Rendah Dato Ratna Haji
Mohd Jaafar, Kiarong
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh
Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND210.00 Sebulan



**DA / JKSH / 04 / 2026 / 2027
[BPPA-FEB-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin
Bagi:
Sekolah Rendah Orang Kaya
Besar Imas, Subok
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND136.00 Sebulan

**DA / JKSH / 05 / 2026 / 2027
[BPPA-FEB-2026]**
Sebut Harga
Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Delima Satu
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh
Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND176.00 Sebulan

**DA / JKSH / 06 / 2026 / 2027
[BPPA-FEB-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin
Bagi:
Sekolah Rendah Dato Marsal
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh
Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND340.00 Sebulan

DA / JKSH / 07 / 2026 / 2027

[BPPA-FEB-2026]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin
Bagi:
Sekolah Rendah Jerudong
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND316.00 Sebulan

**DA / JKSH / 08 / 2026 / 2027
[BPPA-FEB-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin
Bagi:
Sekolah Rendah Keriam
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND155.00 Sebulan

**DA / JKSH / 09 / 2026 / 2027
[BPPA-FEB-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin
Bagi:
Sekolah Rendah Penanjong
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND129.00 Sebulan

**DA / JKSH / 10 / 2026 / 2027
[BPPA-FEB-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin
Bagi:
Sekolah Rendah Kuala Belait

Daerah Belait
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND182.00 Sebulan

**DA / JKSH / 11 / 2026 / 2027
[BPPA-FEB-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin
Bagi:
Sekolah Rendah Pengiran Setia
Jaya Pengiran Abdul Momin
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND375.00 Sebulan

**DA / JKSH / 12 / 2026 / 2027
[BPPA-FEB-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin
Bagi:
Sekolah Menengah Pengiran
Anak Puteri Hajah Masna
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin:
BND757.00 Sebulan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 28 Februari 2026
Jam 9.00 Pagi



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Pemberitahuan Sebut Harga

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0068 / 2025
Supply And Delivery One Unit
Of Drone For Information
Technology Unit, Department
Of Fisheries

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
Khamis,
26 Februari 2026
Jam 12.00 Tengah Hari

**Tawaran Tapak Bagi
Menjalankan Perusahaan
Ternakan Udang Menggunakan
Teknologi Di Tapak Ternakan
Udang Lot 16636,
Pangkalan Sibabau Zon 1,
Kampung Mentiri,
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup:
Khamis,
12 Mac 2026
Jam 12.00
Tengah Hari



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JKP / LTK / 2025-2026 / 15
Provision Of Integrated Creative
Development Services For
Visit Brunei Year 2027

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 Februari 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKP / LTK / 2025-2026 / 14
Provision Of Managed Services
For The Operations Of Brunei
Tourism Information Centres

**Tarikh
Tutup Tawaran:**
Selasa,
24 Februari 2026
Jam 12.00
Tengah Hari.



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran:
Flight Calibration for Air
Navigation Facilities
ATELS / 2026 / LTK-01

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Tawaran:**
16 Februari 2026,
Isnin

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
9 Mac 2026,
Isnin

Tarikh Tutup Tawaran:
10 Mac 2026,
Selasa

Kepada:
Pengerusi Lembaga

**Tawaran Kecil
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam**



**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Jabatan Perhutanan
Kementerian Sumber-Sumber
Utama Dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar, Bandar
Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam**

**Invitation for
Expression of Interest (EOI)**

Bilangan Rujukan Projek:
JPH / SH / EOI /
2566 / 2025-2026

Tajuk Projek:
Forest Certification Readiness
Development- Achieving Forest
Stewardship Council (FSC)
Certification in Sustainable Forest
Management for
Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Khamis,
26 Februari 2026



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
(177) INFO / PK / K / 7
(2025-2026)

Membekalkan Album Gambar
(Requote)

Yuran:
Dikenakan
Bayaran BND5.00

Tarikh Tutup:
Khamis,
26 Februari 2026
Jam 8.00 Pagi



**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

**MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN**

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
1. Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (www.recruitment.gov.bn)
2. Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (siti tempatan dan pengiklanan Tajuk Kelengkapan Pengiklanan Kelulusan (PKPK) yang berkesan)
4. Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Seluarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapkan Maklumat (Surat / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan latihan / kelulusan profesional dan lain-lain yang dipersetujui di dalam skim iklan)

+673 7371961 PSC.BN queryispa.gov.bn

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. KETUA PASUKAN / PERCUBAAN KEMENTERIAN KESIHATAN D.1-2 EB.3 (BAHAGIAN IV) 2026/FEB/04/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	01	7(A)	28 FEBRUARI 2026
2. GURU UGAMA TERLATIH JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA G.2 (BAHAGIAN III) 2026/FEB/01/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	35	7(A)	28 FEBRUARI 2026
3. PEKERJA TEKNIKAL TINGKAT I KEMENTERIAN PEMBANGUNAN E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2026/FEB/01/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	71	7(A)	02 MAC 2026

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PECAKAWAN DAN KARTANGAN KERJAJAYA MAHYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAH-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



**UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM**

Bil. Tawaran:
UBD / E8 / 005 / 2025 - (T)

Keterangan:
Renovation Works For Sultan
Hassanal Bolkiah Institute Of
Education Joint Centre,
Universiti Brunei Darussalam

Kelas:
II and above

Kategori:
B01, E01

Bayaran Tawaran:
Bayaran Dokumen & Pentadbiran
(termasuk e-Dokumen)
BND35.00
[Tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup:
Selasa,
24 Februari 2026



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Bilangan Dan
Tajuk Tawaran :**
32 / BBS / SH / 2025 - 2026
Supply, Delivery
And Installation Of New
Sempadan Signboard For
Lembaga Bandaran
Kuala Belait
Dan
Seria

Dibukakan kepada pemborong -
pemborong yang berdaftar
dengan Kementerian
Pembangunan, Negara Brunei
Darussalam

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non Refundable)

**Tarikh
Tutup Tawaran:**
Selasa
3 Mac 2026



KETAHUI SUMBER GARAM ANDA



کمنتین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



1 Pilih makanan segar dan tidak berproses

2 Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3 Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4 Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5 Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebiji
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg





Sebiji ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok




 hpcbrunei

 Health Promotion Centre

 Talian Darussalam 123

PENYAKIT KARDIOVASKULAR



DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:

penyakit kardiovaskular adalah penyebab kematian yang **ke-2** tertinggi

FAKTOR RISIKO

- Peningkatan umur
- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap penyakit kardiovaskular
- Tidak aktif secara fizikal
- Mengamalkan pemakanan yang tidak sihat
- Merokok
- Meminum alkohol yang berlebihan
- Obes
- Tekanan darah tinggi
- Mempunyai paras kolesterol yang tinggi dalam darah
- Diabetis (kencing manis)
- Stres

LANGKAH PENCEGAHAN



Tidak merokok



Ketahui tekanan darah awda



Mengekalkan berat badan yang sihat



Meningkatkan aktiviti fizikal



Kawal paras kolesterol dan gula dalam darah awda



Amalkan pemakanan sihat. Kurangkan makanan tinggi garam, lemak dan gula



Tangani stres dengan bijak



Elakkan meminum minuman keras

TANDA-TANDA PENYAKIT

- Sesak nafas
- Sakit dada yang menekan-nekan bermula di bahagian tengah atau kiri dada dan biasanya merebak ke lengan kiri dan leher
- Sakit mencengkam sehingga boleh menyebabkan pitam atau pengsan
- Berpeluh dingin
- Berasa sejuk walaupun suhu persekitaran panas
- Pening kepala dan berasa loya
- Kebas
- Kerap kencing malam
- Haus / dahaga
- Penglihatan kabur
- Jantung berdebar

Jika awda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

"Fahami risiko awda"

Sila imbas untuk mendaftar program pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular



MENEROKA ALTERNATIF MINUMAN LEBIH SIHAT, BERPATUTAN



AURAHEALTH dengan kerjasama Lambakleft Cafe dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) telah menganjurkan bengkel 'Coffee & Nutrition Lab' (atas dan bawah kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Februari. - Bengkel Coffee & Nutrition Lab telah dijalankan baru-baru ini di bawah program Happy Environment And Lifestyle (HEAL), iaitu satu Private Public Partnership (PPP) antara Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan (PPK) dan Gleneagles JPMC Sdn. Bhd. (GJPMC).

Program HEAL berkenaan telah dilaksanakan sejak 2019 dan bertujuan untuk memperkasa komuniti melalui promosi kesihatan dan inisiatif berkaitan gaya hidup sihat.

AuraHealth dengan kerjasama

Lambakleft Cafe dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) menganjurkan bengkel 'Coffee & Nutrition Lab' dari 9 hingga 10 Februari 2026 di Bangunan Sekolah Sains Gunaan dan Matematik, UTB.

Bengkel berkenaan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pelajar UTB mengenai kandungan gula, lemak, jenis susu dan kandungan kafein dalam minuman kafe yang popular, di samping membina kapasiti mereka untuk membuat pilihan yang tepat serta meneroka alternatif minuman yang lebih sihat, berpatutan dan lestari berbanding minuman kopi tinggi

gula.

Seramai 59 peserta menghadiri bengkel berkenaan, yang terdiri daripada pelajar dari UTB.

Program berkenaan menampilkan ceramah pemakanan interaktif bertajuk 'Decode Your Cup', diikuti dengan demonstrasi barista secara langsung yang mempamerkan minuman berasaskan kafein yang lebih sihat.

Dengan sokongan fasilitasi daripada pelajar di bawah program Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Sains Makanan dengan Pemakanan Manusia di UTB, para peserta turut terlibat dalam aktiviti berkumpulan secara langsung. Aktiviti berkenaan termasuk mengukur kandungan setara gula, lemak dan kafein dalam minuman contoh serta menghasilkan versi Latte Sepanyol yang lebih sihat.

Berdasarkan maklum balas peserta, ceramah pemakanan, demonstrasi barista dan aktiviti amali dikenal pasti sebagai komponen bengkel yang paling mendapat sambutan.

Peserta berkongsi bahawa aktiviti praktikal membantu mereka lebih memahami dengan lebih jelas kandungan gula dan kafein dalam minuman popular, manakala kuiz interaktif mengukuhkan fakta-fakta penting yang disampaikan semasa sesi berkenaan.

Secara keseluruhan, bengkel berkenaan digambarkan sebagai interaktif, menyeronokkan dan bermanfaat.



PUISI

SIAP SIAGA

Maruah bangsa dan kemakmuran bernegara
Sumber puncanya berwawasan dan menggapai cecita
Leluhur budi dan berjiwa kental
Dalam usai rapi bermatlamat
Jangka pendek dan panjang dijudang
Bermotif kestabilan hidup harmoni
Bermelodi berirama penuh makna
Bukannya urusan umat yang sangsi
Tapi ungkayah setia bakti dinanti

Demi wawasan demi harapan masa depan
Objektifnya jitu rasional dan nasional
Ditanai usai kasihnya berbunga
Niat dijudang bukan alang kepalang
Biar kekal berdaulat bernegara selamat
Bak menatang minyak jangan tumpah
Umpama menarik rambut jangan terputus
Demikian sikap bernegara dipelihara
Demikian bertanah air wajib siap siaga

Matang bijaksana merancang fikir
Memangnya jauhari jua mengenal manikam
Disebut-sebut sesekali dilupa jangan
Orang Melayu sifatnya malu tanpa melulu
Malu itu bukannya bererti kalah
Bukan menyerah kalah tapi pantang disergah
Cergas pantas ke atas, lalai alpa itu tewas
Melangkah berarah jurus terserlah
Gentar tiada, patah sayap bertongkat pauh

Kita berbangsa mulia bernegara diproklamir
Bukan bangsa terpinggir di hujung jungkar
Bukan kata retorik bayangan mimpi
Sudah berkurun berakar umbi serasi
Diwaris pusakai serela sepantun kasih
Biarpun beralun di tepi bergelora di lautan
Ingatlah bahawa seruan azan haiya allalfalah
Gemanya mengajak kemenangan gemilang
Bersama megahnya warna kuning, putih, hitam
Panji-panji merah menyala di tengah

Dalam perjalanan ke puncak jaya
Kini 42 tahun merdeka sudah mendekat wawasan
Setia bakti generasi pewaris bangsa sungguh berhemah:
Biarlah berputih tulang
Sesekali jangan berputih mata
Gahnya dipandang budi dijudang
Kerana anak watan tiada pernah membuang tuah
Ikrar sumpah setia biar gemanya membelai bumi
Bumi Darussalam negara zikir hidup bersemi
Siap siaganya penggerak damai melambai-lambai.

Nukilan : Pengiran Haji Shamsu PHK
Brunei Darussalam.

Waktu operasi pusat kesihatan semasa bulan Ramadan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Februari. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan waktu operasi bagi Pusat-pusat Kesihatan semasa bulan Ramadan 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi.

Waktu operasi bagi Pusat Kesihatan Berakas, Daerah Brunei Muara iaitu hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu (kecuali hari-hari kelepasan awam) bermula 8.00 pagi hingga 2.00 petang dan 7.30 malam hingga 10.00 malam.

Manakala hari Jumaat, Ahad

dan hari-hari kelepasan awam bermula 2.00 petang hingga 4.00 petang dan 7.30 malam hingga 10.00 malam.

Waktu operasi bagi Pusat Kesihatan Sungai Liang, Daerah Belait iaitu hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu (kecuali hari-hari kelepasan awam) bermula 8.00 pagi hingga 2.00 petang manakala hari Jumaat, Ahad dan hari-hari kelepasan awam bermula 2.00 petang hingga 5.00 petang dan 7.30 malam hingga 9.00 malam.

Sementara itu, waktu operasi

bagi pusat-pusat dan klinik-klinik kesihatan lain iaitu hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu (kecuali hari-hari kelepasan awam) bermula 8.00 pagi hingga 2.00 petang manakala hari Jumaat, Ahad dan hari-hari kelepasan awam pula tidak beroperasi.

Untuk maklumat dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.bn, Instagram @mohbrunei atau Talian Darussalam 123 serta mana-mana fasiliti kesihatan yang berhampiran.

BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

Rancang Menu Berbuka

Rancang hari yang bersesuaian jika ingin makan banyak jenis makanan



Tetapkan Peruntukan Juadah

Sediakan peruntukan tertentu agar tidak membazir



Bersungkaik di Rumah Lebih Jimat



Simpan Lebih Makanan

Simpan lebih makanan dengan cara yang betul



Memasak Sendiri

Senaraikan barang keperluan dan beli yang diperlukan sahaja



Elakkan pembaziran ketika berbuka puasa

Oleh : Norliah Md. Zain
Infografik : Ak. Izzan Danish Pg. Idris, penempatan penuntut Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa di Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita brunei

RAMADAN merupakan bulan umat Islam menahan diri dari makan dan minum. Manakala waktu bersungkaik (berbuka puasa) pula merupakan waktu yang menggembirakan bagi orang yang berpuasa setelah seharian menahan diri dari makan minum dan perkara-perkara yang membatalkan puasa.

Secara teorinya, perbelanjaan makan dan minum pada bulan puasa sepatutnya berkurangan jika dibandingkan pada hari-hari biasa.

Namun selera orang berpuasa juga agak sukar dikawal apabila mereka berfikir tentang juadah untuk berbuka nanti. Apa lagi gerai-gerai Ramadan yang tumbuh bagai cendawan dan mudah diakses menjual makanan-makanan yang jarang ada pada hari-hari biasa. Banyak makanan yang menyelerakan mewarnai suasana bulan mulia ini.

Tidak salah kita berbelanja untuk juadah berbuka puasa namun mestilah berpada-pada. Keberadaan makanan yang banyak pada bazar-bazar Ramadan membuatkan pengunjung berasa ingin

mencuba kesemuanya. Inilah yang lazim berlaku kepada kita tambah lagi kita membeli juadah itu semasa perut lapar.

Akan tetapi setelah berbuka puasa, sukar pula untuk menghabiskan makanan-makanan yang dibeli tadi menyebabkan pembaziran berlaku. Inilah amalan yang patut dielak tambah-tambah lagi pada bulan Ramadan ini.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Isra', ayat 26 dan 27, tafsirnya: "*Dan berikanlah kepada kerabatmu dan orang miskin serta orang musafir haknya masing-masing dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan melampau-lampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhan-Nya*".

Elakkan pembaziran

Ada beberapa tip yang boleh diamalkan untuk mengelakkan pembaziran makanan ketika berbuka puasa.

Rancang menu berbuka puasa. Jika ada rancangan untuk membeli juadah di bazar Ramadan, sediakan peruntukan perbelanjaan, kerana ini boleh mengawal kita berbelanja secara berhemah serta mengelakkan terlebih membeli. Antara yang boleh dipraktikkan ialah beli satu minuman, satu makanan berat dan satu makanan sampingan. Cara ini juga dapat membantu dalam membuat variasi juadah sepanjang bulan Ramadan, agar tidak jemu.

Merancang menu berbuka puasa dapat menghehkan pembaziran. Jika sesuatu makanan yang diingini itu agak banyak, rancang hari-hari tertentu untuk menikmatinya. Kuantiti makanan juga perlu diambil kira iaitu secukupnya sahaja untuk seisi keluarga.

Sekiranya ada lebih makanan, sebaiknya, lebih makanan itu disimpan dengan cara yang betul agar dapat dinikmati lagi ketika bersahur, atau pada hari-hari berikutnya.

Makanan boleh disimpan dalam peti sejuk menggunakan bekas makanan supaya boleh dipanaskan semula untuk hari yang seterusnya. Namun pastikan makanan ditutup dengan rapat dan disimpan dengan baik supaya makanan tersebut tidak rosak.

Jika ada rancangan untuk memasak

sendiri di rumah, senaraikan bahan keperluan dan beli yang diperlukan sahaja. Manakala ketika memasak pula sebaiknya ikut kuantiti yang akan dimakan secukupnya juga untuk seisi keluarga, kecuali jika ada perancangan untuk bersedekah kepada jiran tetangga. Jika ada lebih, simpan pada kaedah yang betul untuk dimakan lagi ketika bersahur. Ini penting untuk mengurangkan sisa makanan berlebihan.

Bersungkaik di rumah juga lebih menjimatkan daripada di kedai-kedai makan atau restoran. Caj harga bufet untuk seorang di restoran ada yang agak mahal dan ini memerlukan perbelanjaan yang lebih lagi jika membawa satu keluarga. Namun tidak ada salahnya jika ingin bertukar selera tapi pastikan mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk membiayainya.

Sememangnya ketika bulan puasa kita perlu menahan nafsu dan kehendak, begitulah juga ketika berbelanja. Jangan terlalu mengikut perasaan ketika membeli belah untuk berbuka puasa. Membuang begitu sahaja makanan yang berlebihan perlu dielakkan kerana ia perbuatan yang membazir. Ingatlah bahawa masih ada orang di luar sana yang memerlukan makanan sedang kita dikurniakan makanan yang enak untuk dinikmati.

MEMBENTUK BELIA BERAKHLAK, BERDISIPLIN, BERJATI DIRI MUSLIM

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Kumpulan Belia Masjid Hassanal Bolkihah



PROGRAM Legasi Belia 'Ibadurrahman bertujuan untuk membentuk belia yang berakhlak, berdisiplin, dirangka dengan pengisian yang merangkumi aspek kebajikan, latihan dan kemahiran, komuniti dan ukhawah, bimbingan belia, peningkatan ilmu serta pembentukan akhlak dan jati diri.

TUTONG, Rabu, 18 Februari. - Kira-kira 30 belia menyertai Program Legasi Belia 'Ibadurrahman yang merupakan satu inisiatif pembangunan belia masjid yang dirangka secara berperingkat dan berfokus kepada pembinaan jati diri, akhlak, ilmu serta kepimpinan belia.

Program berkenaan dilaksanakan sebagai platform untuk melahirkan generasi belia yang bukan sahaja aktif dalam aktiviti masjid, malah mampu menjadi penerus legasi kepimpinan yang berakhlak dan

berdaya saing.

Seiring dengan cabaran semasa yang dihadapi oleh generasi muda, pendekatan yang holistik dan relevan amat diperlukan bagi membimbing belia agar mampu *level up*, membina potensi diri, memecahkan batasan diri serta memimpin perubahan secara positif.

Justeru itu, Program Legasi Belia berkenaan dirangka dengan pengisian yang merangkumi aspek kebajikan, latihan dan kemahiran, komuniti dan ukhawah, bimbingan belia,



peningkatan ilmu serta pembentukan akhlak dan jati diri.

Para peserta yang mengikuti program berkenaan akan dilaksanakan selama enam bulan bermula Februari hingga Julai 2026, berteraskan pendekatan *mentorship* yang memberi peluang kepada para peserta untuk berkembang secara berperingkat dan berterusan.

Diharapkan program berkenaan akan dapat menjadi tapak pembinaan legasi belia masjid yang kukuh dan berkekalan.

Adapun *timeline* program yang

terdiri daripada enam *series* berkenaan antaranya ialah Induction Day (Recruitment), Motivational Talk, Projek Mini (Siuknya Sedekah), Bengkel Soft Skill, Bengkel / Latihan Pengurusan program dan Recognition Day.

Ketua Belia 'Ibadurrahman, Awang Amir Hamzah bin Muhammad Faizul Azman, juga selaku Pengerusi semasa ditemui menyatakan, program berkenaan bukanlah sekadar aktiviti bermusim, tetapi ia adalah titik permulaan bagi pembentukan jati

diri belia yang lebih mantap.

"Saya mahu melihat belia masjid *kitani* bukan sahaja aktif dalam program, malah menjadikan masjid sebagai 'rumah kedua' untuk mereka berkembang dari segi akhlak, kepimpinan, dan disiplin," ujarnya lagi.

Objektif program antara lain untuk membentuk belia yang berakhlak, berdisiplin dan berjati diri Muslim serta membina kemahiran kepimpinan dan pengurusan dalam kalangan belia.

Ketupa ketupu

Nama Binatang : Buffy Fish Owl

Nama Saintifik : Strix ketupu

CITES : Apendiks II

Maklumat disediakan oleh : Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

SALAH satu burung malam yang unik di Negara Brunei Darussalam - burung Ketupa ketupu. Bersuara kuat, rupanya gagah, dan peranannya besar dalam menjaga keseimbangan alam semula jadi *kitani*.

Nama saintifiknya Strix ketupu, dan burung ini termasuk dalam keluarga Strigidae, keluarga burung hantu sejati. Ketupa ketupu ini merupakan spesies burung hantu yang besar, jarang-jarang dilihat, dan aktif memburu pada waktu malam. Biasanya tinggal di hutan dan sekitar sungai - sunyi, nyaman, memang sesuai dengan sifatnya yang misteri.

Dari segi rupa, burung Ketupa ketupu ini berbadan besar dan tegap, kepalanya berbentuk bulat dan lebar, dengan mata kuning keemasan yang tajam. Di atas kepalanya ada jambul kecil seperti telinga, tapi bukan telinga sebenarnya! Saiznya boleh mencecah 48 - 61cm, dengan rentangan sayap yang luas untuk terbang senyap.

Warna bulunya perang kekuningan atau coklat pudar,

Nama Tempatan : Ketupa ketupu

Order : Strigiformes

IUCN : Hampir Terancam

dengan corak tompok dan belang gelap yang boleh membantunya menyamar di pokok dan tebing sungai. Ketupa ketupu membiak secara bermusim, bersarang di lubang pokok besar atau celahan dahan tinggi. Induk bertelur 1 - 2 biji dan kedua-dua induk menjaga anak, sementara anaknya berbulu lembut, cerah, dan bergantung sepenuhnya pada induk di awal kehidupan.

Habitat utama burung Ketupa ketupu ialah hutan paya, hutan riparian, kawasan sungai, tasik, dan paya bakau. Di Brunei, burung ini ditemui di hutan terpelihara dekat sumber air, terutama di kawasan pedalaman. Dari segi pemakanan, Ketupa ketupu sepenuhnya haiwan karnivor bermaksud ia hanya memakan haiwan lain seperti ikan, ketam, katak, udang, reptilia kecil, dan haiwan akuatik lain. Burung Ketupa ketupu biasanya memburu pada waktu malam dengan memerhatikan mangsa dari dahan pokok rendah serta menggunakan yang kuku kuat untuk menerkam mangsa. Keunikannya? Pandai memburu ikan secara aktif, terbang dengan senyap walau bersaiz besar, dan penglihatan malam yang tajam - memang satu spesies luar biasa di Asia Tenggara!

Dari segi pemuliharaan, burung Ketupa ketupu disenaraikan di bawah Apendiks II Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam Flora dan Fauna Liar (CITES), dan di Senarai Merah Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam (IUCN), sebagai 'Hampir Terancam' (Near Threatened). Populasinya semakin hampir kepada tahap ancaman kepupusan, jadi penting bagi *kitani* menjaga spesies ini demi kesihatan ekosistem hutan.

Kepentingan melindungi burung Ketupa ketupu ini bukan sahaja untuk alam sekitar, tapi juga memberi manfaat ekonomi dan ekopelancongan. Dalam ekosistem hutan dan sungai, ia berperanan sebagai pemangsa aras tinggi, boleh mengawal populasi ikan kecil dan haiwan akuatik, dan menjadi petunjuk kesihatan ekosistem air tawar. Dengan memelihara burung Ketupa ketupu, Brunei boleh menarik minat pelancong dan penggemar alam semula jadi dalam aktiviti pemerhatian burung (*birdwatching*), pendidikan alam sekitar, penyelidikan, dan sekali gus dapat melibatkan komuniti setempat sebagai pemandu ekopelancongan. Semua ini boleh membantu ekonomi negara sambil memastikan spesies ini untuk terus kekal selamat dan dapat dinikmati untuk generasi akan datang.

Spesies Ketupa ketupu bukan sahaja unik dan gagah, malah penjaga keseimbangan alam



Sumber Foto : Ian Anyhony Echual (B22 - 03 - 06 - iAE_0926)

sekitar *kitani*. Mari *kitani* hargai dan pelihara hidupan liar negara *kitani*. Jangan lupa untuk mengikuti setiap keluaran 'Kenali Hidupan Liar Kitani'. Untuk melihat foto-foto

spesies dan maklumat lanjut, layari dan ikuti Instagram Jabatan Perhutanan : *forestry.brunei*. Lindungi hidupan liar *kitani* untuk memulihara Hutan Kitani...

MENINGKATKAN PENGETAHUAN, KEMAHIRAN KEPIMPINAN

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Februari. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) melalui Pasukan Latihan Pengakap Kebangsaan baru-baru ini mengadakan Kursus Penerangan Am bertempat di Dewan Serbaguna Pengakap, Ibu Pejabat PPNBD, Jalan Gadong.



SERAMAI lebih 60 orang Pemimpin Pengakap dari seluruh daerah menyertai Kursus Penerangan Am yang diadakan di Dewan Serbaguna Pengakap, Ibu Pejabat PPNBD, Jalan Gadong (atas dan bawah).



Lebih 60 orang Pemimpin Pengakap dari seluruh daerah dan ahli-ahli Pengakap Kelana dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan ahli-ahli Pengakap Kelana dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menyertai Kursus Penerangan Am yang diadakan selama sehari.

Sebanyak tujuh tajuk sesi kursus disampaikan jurulatih-jurulatih pengakap iaitu mengenai visi dan misi pengakap, tujuan dan kaedah berpengakap; sejarah pembangunan pengakap; pergerakan pengakap kebangsaan, serantau, dunia dan strukturnya; bahagian-bahagian di dalam pergerakan pengakap; skim anugerah lencana-lencana kemajuan dan kemahiran; skim latihan pemimpin pengakap dan isu-isu kemasyarakatan.

Jurulatih - jurulatih pengakap yang turut membantu menayakan kursus tersebut adalah Ketua Kursus / Naib Yang Dipertua 2 PPNBD, Awang Jurkarnain bin Haji Hussin; Pesuruhjaya Latihan Pengakap Kebangsaan, Awang Zainudin bin Haji Ishak; Pesuruhjaya Antarabangsa, Awang Ritchie bin Siabu; Pesuruhjaya Pengakap Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohammad Harzuna bin Haji Ismail; Setiausaha Latihan I / Pesuruhjaya Pengakap Daerah Temburong / Bahagian Latihan, Awang Ronnie bin Siabu; Setiausaha II / Penolong Pesuruhjaya Pengakap Daerah Belait - Bahagian Latihan, Awang Mohammad Sharin bin Haji Suhaili; Penolong Pesuruhjaya Pengakap Daerah Tutong - Bahagian Latihan, Dayang Effayanee binti Haji Salam; Pemimpin Pengakap Terlatih, Awang Abdul Syafiq Fawzy bin Abdullah Yong.

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan

kemahiran Pemimpin Pasukan Pengakap dan juga ahli-ahli Pengakap Kelana dalam menjalankan tugas mereka serta memperkukuhkan semangat kepimpinan di kalangan ahli pengakap di samping menarik minat Pemimpin dan Penolong Pemimpin Pasukan Pengakap yang baharu untuk lebih aktif dan berpengetahuan dalam menjalankan tugas mereka di dalam Pasukan Pengakap (Scout troop) masing-masing.

Adapun objektif kursus iaitu Peningkatan Pengetahuan: Memberikan penerangan mendalam mengenai tujuan dan nilai-nilai asas pengakap serta memahami prinsip dan struktur organisasi pergerakan pengakap;

Kemahiran Kepimpinan: Mengasah kemahiran kepimpinan melalui latihan praktikal dan simulasi; Pengukuhan Rangkaian: Mewujudkan hubungan yang lebih baik antara pemimpin-pemimpin pengakap untuk kerjasama yang lebih efektif; dan Promosi Aktiviti Pengakap: Mendorong pemimpin pasukan pengakap untuk merancang dan melaksanakan aktiviti yang menarik bagi menarik minat ahli baharu pengakap.

Kursus ini diharapkan dapat melahirkan pemimpin pengakap dan ahli Pengakap Kelana yang lebih berdaya saing dan berkomitmen dalam memajukan pergerakan pasukan pengakap di peringkat pasukan pengakap masing-masing.

MPK Sungai Akar Kawasan 2 gotong-royong membersihkan kubur

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad



SUASANA pada acara gotong-royong membersihkan Tanah Perkuburan Orang Islam Kampung Sungai Akar Kawasan 2 yang diadakan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung Sungai Akar Kawasan 2 (atas dan bawah).

SUNGAI AKAR, Rabu, 18 Februari. - Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Akar Kawasan 2 pagi tadi mengadakan acara gotong-royong membersihkan Tanah Perkuburan Orang Islam Kampung Sungai Akar Kawasan 2, yang terletak di Simpang 166 dan Simpang 83, Jalan Sungai Akar.

Mengetuai gotong-royong tersebut ialah Ketua Kampung Sungai Akar Kawasan 2, Awang Haji Muhammad Wafil Wafee bin Haji Ramlee.

Lebih daripada 30 orang penduduk kampung dan sukarelawan dari Pasukan Sekuriti Gurkha (PSG) Kampung Sungai Akar menyertai acara berkenaan.

Sejurus selesai acara pembersihan, majlis diteruskan lagi dengan bacaan Doa Arwah dan Tahlil yang dipimpin oleh Awang Ahmad Huzaifah bin Awang Haji Hasbi.

Acara tersebut merupakan julung kali dikendalikan oleh MPK Sungai Akar Kawasan 2.

Dalam pada itu, Ahli Jawatankuasa MPK Sungai Akar Kawasan 2 juga merancang untuk mengadakan acara dan program bagi penduduk kampung pada masa akan datang.



Majlis Tahlil, Doa Arwah memperkukuh perpaduan, semangat kejiranan



KETUA Kampung Kawasan 5, Perumahan Kampung Rimba hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Tahlil dan Doa Arwah berkenaan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiha Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Biro Wanita Perumahan Kampung Rimba

GADONG, Rabu, 18 Februari. - Sebagai usaha meneruskan tradisi kemasyarakatan serta mengeratkan silaturahmi dalam kalangan penduduk kampung, para penduduk yang terdiri daripada ahli keluarga dan jiran-jiran sekampung Simpang 48-3, Jalan 99, Perumahan Kampung Rimba, Gadong, baru-baru ini menganjurkan Majlis

Tahlil dan Doa Arwah, yang diadakan buat kali ke-12 pada tahun ini.

Majlis yang berlangsung pada baru-baru ini turut dihadiri oleh Ketua Kampung Kawasan 5, Awang Haji Badruzaman bin Haji Norzaman selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir, Pengerusi Majlis Tahlil dan Doa Arwah, Awang Haji

Mat Salleh bin Ibrahim.

Bacaan tahlil dan Doa Arwah dipimpin oleh Awang Haji Hassan bin Haji Kamis bagi memohon kesejahteraan bagi ahli keluarga yang telah kembali ke rahmatullah.

Majlis tahunan berkenaan diharapkan akan terus menjadi wadah memperkukuh perpaduan dan semangat kejiranan, di samping memupuk budaya saling mengambil berat dalam kalangan penduduk setempat.



REPUBLIK INDONESIA, ARAB SAUDI PERKUKUH KERJASAMA HALAL MENERUSI PINDAAN MOU

JAKARTA, 19 Feb. - Republik Indonesia dan Arab Saudi memperluas serta memperkuat kerjasama dalam jaminan produk halal menerusi pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) yang dipinda bagi menyelaraskan sistem pensijilan, meningkatkan integrasi digital dan memperkuat pengiktirafan rentas sempadan.

Ketua Badan Penyelenggara Jaminan Produk Halal Indonesia (BPJPH) Ahmad Haikal Hasan berkata pindaan itu dibina berasaskan MoU yang

ditandatangani di Riyadh pada 19 Oktober 2023 dan mencerminkan komitmen kedua-dua negara dalam membangunkan ekosistem halal yang boleh dipercayai, telus dan berdaya saing di peringkat global.

"Kerjasama ini memperkuat asas sistem halal kedua-dua negara melalui penyelarasan mekanisme, transformasi digital serta pengukuhan kapasiti institusi.

"Indonesia menganggap Arab Saudi sebagai rakan strategik dalam membina ekosistem halal

global yang boleh dipercayai, telus dan saling berkaitan," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan BPJPH pada Rabu.

Pindaan itu ditandatangani antara BPJPH dan Saudi Halal Centre (SHC) pada Forum Halal Makkah di Makkah, Arab Saudi, pada 15 Februari lepas.

Ahmad Haikal berkata kerjasama yang dipertingkatkan itu merangkumi penyelarasan mekanisme pensijilan, integrasi sistem digital bagi pengeluaran sijil halal melalui pertukaran data dan maklumat serta pengukuhan

kapasiti institusi bagi menyokong perdagangan rentas sempadan.

Beliau berkata di bawah rangka kerja jaminan produk halal Republik Indonesia, SHC yang beroperasi di bawah penyelarasan Saudi Food and Drug Authority (SFDA) diiktiraf sebagai Institusi Halal Asing, sekali gus membolehkan pengiktirafan dan kerjasama rentas sempadan yang lebih berstruktur.

Perjanjian itu turut mengawal selia penggunaan logo halal, khususnya logo halal Arab Saudi

yang telah ditukar kepada logo Halal Global dengan Kod QR menggantikan logo yang ditetapkan dalam MoU 2023.

"Pengiktirafan dan penggunaan logo itu dilaksanakan dalam kerangka kerjasama dua hala dan tertakluk kepada undang-undang serta peraturan negara masing-masing," katanya.

Pindaan itu akan berkuat kuasa dari tarikh pemeteraian selama lima tahun dan akan diperbaharui secara automatik dengan persetujuan bersama. - ©BERNAMA

UPSI siap sedia latih 33 bakat muda Republik Uzbekistan

KUALA LUMPUR, Feb 19. - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sudah bersedia untuk melatih 33 peserta dari Republik Uzbekistan di bawah program latihan Young Scientist menerusi kelulusan geran berjumlah US\$172,000 (US\$1=RM3.91) yang diterima daripada Kementerian Pengajian Tinggi Uzbekistan tahun lepas.

Ketua Program Young Scientist Profesor Dr. Che Zalina Zulkifli ketika dihubungi Bernama berkata peruntukan menerusi geran berkenaan baru diterima UPSI dan kesemua peserta dijangka tiba pada bulan depan.

Beliau berkata program yang dijadualkan berlangsung dari 23 Mac hingga 22 Mei 2026 itu akan disertai golongan profesional dari Republik Uzbekistan berusia antara 25 hingga 40 tahun.

Program Young Scientist bertujuan memperkuat keupayaan Republik Uzbekistan dalam bidang penyelidikan, inovasi, serta pemindahan ilmu dalam bidang sains, teknologi, Internet Benda (IoT), Kecerdasan Buatan (AI) dan teknologi hijau, katanya yang juga Ketua Pusat Pendidikan Teknologi Hijau UPSI

(EduGreen@UPSI).

"Kelulusan geran ini mencerminkan keyakinan tinggi Kerajaan Uzbekistan terhadap kepakaran UPSI sebagai pusat rujukan antarabangsa dalam pembangunan modal insan, penyelidikan dan inovasi berimpak tinggi," katanya.

Memorandum Persefahaman (MoA) berhubung penyerahan geran berkenaan dimeterai tahun lepas di UPSI melibatkan UPSI bersama dua agensi Republik Uzbekistan iaitu The Fund dan Agency of Innovative Development di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi, Sains dan Inovasi.

Pada majlis itu, UPSI diwakili Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dr. Norkhalid Salimin, manakala Dr. Tavakalov Jonibek mewakili The Fund.

Menurut Che Zalina yang juga Penasihat Pakar di Bukhara State Technical University (BSTU), program latihan itu dijangka memberi impak besar bukan sahaja kepada pembangunan bakat muda saintis Republik Uzbekistan, malah membuka lebih banyak peluang kerjasama penyelidikan,

penerbitan bersama dan pembangunan teknologi hijau antara institusi Malaysia dan Republik Uzbekistan.

Program berkenaan akan memberi fokus kepada bidang Pendidikan dan Sistem Pintar Teknologi Hijau, "Penulisan Saintifik", serta Pendidikan Luar dan Pembelajaran Berasaskan Alam Sekitar, katanya.

Beliau berkata pelaksanaan program itu mencerminkan keyakinan tinggi kerajaan Republik Uzbekistan terhadap kepakaran UPSI dan Malaysia dalam bidang pendidikan, teknologi hijau, inovasi pintar dan pembangunan modal insan.

Inisiatif itu juga memperkuat hubungan strategik antara Malaysia dan Republik Uzbekistan dalam bidang pendidikan tinggi, penyelidikan, inovasi dan pemindahan teknologi, katanya.

Ditanya mengenai persiapan UPSI dalam memastikan kelesaan para peserta Program Young Scientist menyesuaikan diri di negara ini, Che Zalina berkata sebelum ini UPSI berpengalaman melatih peserta dari Republik Uzbekistan

untuk program selama dua minggu.

"Jadi UPSI sudah tahu keperluan mereka," katanya.

Menurut kenyataan UPSI, kejayaan itu merupakan bukti impak langsung dan berterusan hasil diplomasi pendidikan dan kerjasama antarabangsa yang dipelopori melalui platform antara kerajaan dengan kerajaan (G2G), sekali gus mengangkat reputasi UPSI sebagai hab latihan, rujukan

dan pemangkin pembangunan kapasiti akademik di peringkat serantau dan antarabangsa.

Program itu juga merupakan sebahagian daripada usaha pengukuhan kerjasama strategik Malaysia - Republik Uzbekistan dalam bidang pendidikan tinggi, sains dan teknologi, sejajar dengan agenda pembangunan kapasiti penyelidik muda di peringkat antarabangsa, menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

AI, dron digunakan untuk cerapan anak bulan Ramadan di UAE

ABU DHABI, 18 Feb. - Jawatankuasa Cerapan Anak Bulan Ramadan bagi tahun 1447 Hijrah, yang ditubuhkan di bawah Majlis Fatwa Emiriah Arab Bersatu (UAE), menggunakan dron yang dilengkapi ciri saintifik canggih bersama Kecerdasan Buatan (AI) untuk menganalisis imej yang dirakam dari balai cerap di seluruh negara.

Dalam kenyataan kepada Agensi Berita Emiriah (WAM), Pengerusi Pihak Berkuasa Am Hal Ehwal Islam, Wakaf dan Zakat, Dr. Omar Habtoor Al Darei berkata langkah itu mencerminkan komitmen Jawatankuasa untuk mencapai standard ketepatan tertinggi.

Beliau berkata ia menggabungkan pendekatan berasaskan Syariah yang berakar umbi daripada sabda Nabi Muhammad (SAW), "Berpuasalah kamu kerana melihatnya (anak bulan) dan berbukalah kamu (berhari raya) kerana melihatnya," dengan manfaat sains moden serta teknologi canggih.

"Tugas Jawatankuasa ini melibatkan penyelarasan antara pakar dan ahli astronomi serta bergantung kepada data daripada enam balai cerap di seluruh UAE, sekali gus menekankan komitmen negara terhadap ketelusan dan kejujuran," katanya. - ©BERNAMA

Telegram sekat hampir 190,000 kumpulan, saluran pada Isnin - Statistik

MOSCOW, 18 Feb. - Aplikasi pesanan Telegram menyekat lebih 187,000 kumpulan dan saluran pada Isnin, yang merupakan antara jumlah tertinggi dalam beberapa minggu kebelakangan ini, menurut analisis Sputnik/RIA Novosti terhadap data statistik aplikasi pesanan itu.

Sejumlah 187,634 kumpulan dan saluran yang disekat merupakan angka keempat tertinggi pada Februari, hanya 22-23 Januari dan 15 Februari mencatatkan angka yang lebih tinggi.

Sejak 1 Februari, Telegram telah menyekat sebanyak 2.04 juta kumpulan dan saluran secara keseluruhan, termasuk 7,116 yang 'berkaitan keganasan'.

Sejak Januari 2026, jumlah keseluruhan kumpulan dan saluran yang disekat telah mencecah hampir 7.5 juta, termasuk 27,382 saluran 'berkaitan keganasan'.

Sejak 2015, proses moderasi termasuk aduan pengguna dan pemantauan proaktif berdasarkan pembelajaran mesin, yang ditambah baik pada awal 2024 dengan alat moderasi berkuasa AI, menurut Telegram.

Aplikasi pesanan Telegram dicipta pada 2013 oleh Pavel Durov, pengasas platform media sosial Persekutuan Rusia, VKontakte.

Jumlah pengguna aktif bulanan Telegram melebihi satu bilion. - ©BERNAMA

Warga Kemboja rugi RM176 juta kepada sindiket penipuan dalam talian tahun lepas

PHNOM PENH, 18 Feb. - Warganegara Kemboja kerugian lebih RM176 juta (USD45 juta) akibat jenayah penipuan dalam talian domestik pada 2025, dengan sebilangan mangsa turut diperas ugut selepas dipaksa berkongsi kandungan eksplisit.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, Sar Sokha memaklumkan pada Selasa bahawa terdapat mangsa yang bertindak membunuh diri akibat tekanan daripada pemerasan digital berkenaan, lapor agensi berita negeri Agence Kampuchea Presse.

Menurut beliau, kurang daripada RM78 juta (USD20 million) daripada jumlah kerugian itu berjaya diperoleh kembali, manakala baki selebihnya gagal dikesan berikutan kecanggihan teknik yang digunakan

penjenayah.

"Rasa malu dan aib yang dikaitkan dengan jenayah ini telah membawa kesan maut di Kemboja," kata Sokha semasa melancarkan kempen kebangsaan Hari Internet Lebih Selamat 2026 di Universiti Pertanian Diraja di Phnom Penh.

Beliau turut mendedahkan peningkatan dalam kes penipuan menyamar sebagai pegawai bank, dengan sindiket memperdaya mangsa untuk memindahkan wang dengan dakwaan palsu kononnya mereka memenangi hadiah.

Pendedahan itu dibuat ketika Kerajaan Kemboja mempergiat operasi keselamatan bagi membanteras penipuan siber dan perjudian dalam talian haram di seluruh negara sejak tahun lepas.

Kebanyakan hab penipuan

terlibat didakwa membabitkan sindiket jenayah antarabangsa dan dikendalikan oleh pencari kerja muda dari negara-negara Asia Tenggara dan Asia Selatan.

Pihak berkuasa Kemboja telah mengusir lebih 3,300 warga asing dalam minggu pertama Februari selepas melancarkan kempen besar-besaran, Operasi XXL bagi membasmi ancaman berkenaan.

Dalam pada itu, kerajaan mengambil langkah proaktif minggu ini untuk menyekat penularan jenayah siber dengan meluluskan draf undang-undang anti-penipuan siber.

Perundangan itu bakal mewujudkan rangka kerja undang-undang yang lebih jelas bagi membanteras jenayah yang telah menarik perhatian antarabangsa dan menjejaskan imej Kemboja itu. - ©BERNAMA

LAPORAN PERBELANJAAN PENGGUNA REPUBLIC RAKYAT CHINA CATAT PERTUMBUHAN STABIL SEMPENA CUTI PERAYAAN MUSIM BUNGA



BEIJING, 20 Feb. - Pengguna di Republik Rakyat China menyambut cuti Perayaan Musim Bunga dengan lonjakan perbelanjaan, memenuhi restoran dan pusat beli-belah serta melakukan perjalanan ke seluruh negara,

sekali gus memberikan rangsangan awal tahun kepada sektor penggunaan.

Dalam empat hari pertama cuti tersebut, purata jualan harian di perniagaan runcit dan catering utama meningkat 8.6 peratus

berbanding tempoh sama tahun lalu, menurut data Kementerian Perdagangan. Trafik pengunjung dan hasil di 78 jalan dan kawasan beli-belah utama dalam tiga hari pertama masing-masing meningkat 4.5 peratus dan 4.8 peratus.

Perayaan Musim Bunga, yang juga dikenali sebagai Tahun Baharu Cina, jatuh pada 17 Februari tahun ini, dan cuti yang bermula dua hari lebih awal berlangsung selama sembilan hari keseluruhannya.

Gelombang perbelanjaan itu menggabungkan tradisi dengan tabiat baharu, dengan platform dalam talian melaporkan permintaan kukuh bagi peranti pintar. Jualan peranti boleh pakai

di platform utama melonjak 19.7 peratus tahun ke tahun dalam tiga hari pertama cuti, dengan jualan cermin mata pintar meningkat lebih dua kali ganda dan monitor glukosa darah pintar naik hampir 50 peratus.

Perbelanjaan perkhidmatan turut menyumbang kepada momentum tersebut. Penggunaan pelancongan domestik di platform utama meningkat 4.5 peratus tahun ke tahun dalam tiga hari pertama cuti, termasuk lonjakan 26 peratus dalam tempahan kereta sewa.

Di wilayah pulau selatan Hainan, jualan bebas cukai mencecah 970 juta yuan (hampir USD140 juta) dalam empat hari pertama cuti, meningkat 15.8 peratus berbanding tahun lalu.

Program pertukaran barangan pengguna di seluruh negara juga terus merangsang permintaan

penggunaan. Menjelang 18 Februari, hampir 28.44 juta pengguna telah menerima subsidi untuk menggantikan produk lama dengan yang baharu tahun ini, sekali gus menjana hampir 196.39 bilion yuan dalam jualan. Pertukaran kenderaan menyumbang bahagian yang besar, dengan jualan mencecah 100.23 bilion yuan.

Kerajaan memperkenalkan pelbagai langkah sokongan menjelang cuti sembilan hari itu, menggalakkan pihak berkuasa tempatan dan perniagaan untuk menggabungkan acara promosi dengan insentif dasar, termasuk baucar membeli-belah dan penambahbaikan perkhidmatan pembayaran untuk pelawat. - ©XINHUA



PELANCONG menunggu lukisan gula di Changde, wilayah Hunan tengah Republik Rakyat China, 17 Februari 2026.

Seorang kru maut selepas kebakaran di atas kapal persiaran menuju Republik Singapura

REPUBLIC SINGAPURA, 20 Feb. - Seorang kru kapal persiaran berdaftar di Liberia, World Legacy maut selepas kebakaran berlaku di atas kapal itu ketika dalam perjalanan ke Republik Singapura.

Dalam satu kenyataan pada Jumaat, Penguasa Maritim dan Pelabuhan Singapura (MPA) memaklumkan bahawa kejadian berlaku kira-kira 4 pagi tadi dan

kebakaran itu berjaya dikawal oleh kru kapal.

"Terdapat 388 kru di atas kapal itu, dan tiada seorang pun rakyat Republik Singapura, manakala terdapat 224 penumpang, dengan 185 daripadanya adalah rakyat Republik Singapura.

"Tiada kecederaan dilaporkan dalam kalangan kru dan penumpang lain," menurut

kenyataan itu.

Agensi berkenaan memaklumkan bahawa kapal itu berada dalam keadaan stabil dan kini berlabuh di Raffles Reserved Anchorage.

"Bot peronda MPA, Polis Pengawal Pantai dan Divisyen Marin Pasukan Pertahanan Awam Singapura (SCDF) sedang memberi bantuan kepada kapal berkenaan," tambahnya. - ©BERNAMA

Republik Indonesia, AS muktamad perjanjian tarif utama, kekal kadar timbal balas 19 peratus

JAKARTA, 20 Feb. - Republik Indonesia dan Amerika Syarikat (AS) telah memuktamadkan perjanjian perdagangan penting yang menyaksikan Washington mengekalkan kadar tarif timbal balas sebanyak 19 peratus ke atas import Republik Indonesia.

Menurut Rumah Putih, produk tertentu yang dikenal pasti dari Republik Indonesia akan menikmati kadar tarif timbal balas sifar peratus, termasuk barangan tekstil dan pakaian terpilih bagi jumlah import yang akan ditentukan kemudian.

"Jumlah ini akan ditentukan berdasarkan kuantiti eksport tekstil yang dihasilkan daripada kapas Amerika dan input tekstil gentian buatan manusia dari AS," menurut kenyataan yang disiarkan di laman sesawang rasminya pada Jumaat.

Presiden Republik Indonesia Prabowo Subianto dan Presiden AS Donald Trump menandatangani dokumen pada Jumaat bagi mengesahkan komitmen kukuh kedua-dua negara untuk melaksanakan perjanjian itu.

Di bawah perjanjian berkenaan, Rumah Putih berkata Republik Indonesia bersetuju menghapuskan halangan tarif ke atas lebih 99 peratus eksport AS merangkumi semua sektor, termasuk produk pertanian dan kesihatan, makanan laut, barangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), produk automotif serta bahan kimia.

Rumah Putih memaklumkan

bahawa Republik Indonesia juga akan menangani dan mencegah halangan terhadap produk pertanian AS dengan mengecualikan barangan makanan dan pertanian daripada semua rejim pelesenan import selain memastikan ketelusan dan keadilan dalam petunjuk geografi termasuk bagi daging dan keju.

Kedua-dua negara turut akan bekerjasama bagi meningkatkan daya tahan rantai bekalan, menangani pengelakan duti serta memastikan kawalan eksport dan keselamatan pelaburan yang mencukupi.

Republik Indonesia juga bersetuju menghapuskan sekatan ke atas eksport ke AS bagi semua komoditi perindustrian termasuk mineral kritikal.

Selain itu, Republik Indonesia akan menangani pelbagai halangan bukan tarif dengan mengecualikan syarikat dan barangan AS daripada keperluan kandungan tempatan, mengiktiraf piawaian keselamatan kenderaan bermotor dan pelepasan persekutuan AS, serta menerima piawaian Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan (FDA) AS bagi peranti perubatan dan farmaseutikal.

Republik Indonesia turut akan memansuhkan keperluan pensijilan dan pelaburan yang membebaskan, menghapuskan keperluan pra-pengantaran serta mengambil langkah menyelesaikan isu harta

inteleak yang berlarutan.

"AS mungkin mempertimbangkan secara positif kesan perjanjian ini terhadap keselamatan negara termasuk mengambil kira perjanjian ini apabila melaksanakan tindakan perdagangan di bawah Seksyen 232 Akta Pengembangan Perdagangan 1962, seperti dipinda (19 U.S.C. 1862)," menurut Rumah Putih.

Rumah Putih menyatakan bahawa kedua-dua negara turut mengalu-alukan perjanjian komersial bernilai kira-kira USD33 bilion dalam sektor pertanian, aeroangkasa dan tenaga di AS yang dijangka meningkatkan lagi eksport AS ke Republik Indonesia.

Komitmen itu termasuk pembelian komoditi tenaga AS bernilai kira-kira USD15 bilion, perolehan pesawat komersial serta barangan dan perkhidmatan berkaitan penerbangan bernilai kira-kira USD13.5 bilion termasuk daripada Boeing, serta lebih USD4.5 bilion produk pertanian AS.

AS kini mencatat defisit perdagangan barangan ke-15 terbesar dengan Republik Indonesia berjumlah USD23.7 bilion pada 2025.

Sebelum perjanjian itu, purata mudah tarif yang dikenakan oleh Republik Indonesia ialah lapan peratus berbanding 3.3 peratus di AS. - ©BERNAMA

Keadaan kemanusiaan di Gaza "kritikal" susulan sekatan bantuan berterusan

AMMAN/GAZA, 20 Feb. - Agensi Bantuan dan Kerja Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian Palestin di Asia Barat (UNRWA) pada Khamis memberi amaran bahawa keadaan kemanusiaan di Semenanjung Gaza adalah "kritikal" berikutan sekatan berterusan terhadap akses bantuan, lapor Xinhua.

"Di seluruh Gaza, keadaan kemanusiaan kekal kritikal seiring kekangan terhadap akses kemanusiaan," menurut UNRWA dalam satu kenyataan media.

Agensi PBB itu menyatakan pihaknya terus beroperasi dengan menyediakan penjagaan kesihatan asas, pendidikan, tempat perlindungan, bantuan makanan dan perkhidmatan perlindungan kepada penduduk yang hilang tempat tinggal.

"Bagaimanapun, skala keperluan melebihi apa yang dibenarkan untuk kami lakukan ketika ini," katanya sambil menegaskan sekatan perlu ditarik balik.

Perkembangan itu berlaku ketika Pengarah Bantuan Perubatan di Gaza Bassam Zaqout memberi amaran mengenai krisis kesihatan yang semakin meruncing dengan ketibaan Ramadan, sambil menyifatkan sektor kesihatan berada dalam keadaan "lumpuh yang membawa maut".

Zaqout dalam kenyataan kepada radio rasmi Voice of Palestine berkata hospital di Semenanjung Gaza berada di ambang penutupan sepenuhnya akibat krisis bahan api dan kekurangan alat ganti bagi generator.

Beliau menyifatkan gencatan senjata semasa sebagai "ilusi", sambil berkata "serangan" Israel yang berterusan terus meragut nyawa dan menyebabkan kecederaan setiap hari.

Beliau turut berkata penduduk Gaza berdepan keletihan melampau akibat kekurangan bekalan air dan makanan yang serius.

Zaqout seterusnya mengkritik dasar Israel kerana mengubah bantuan kemanusiaan menjadi "aktiviti komersial", membenarkan barangan masuk pada harga "terlalu tinggi" yang tidak mampu dibayar oleh 80 peratus penduduk.

Pejabat Penyelaras Aktiviti Kerajaan di wilayah, sebuah badan di bawah Kementerian Pertahanan Israel, pada Ahad berkata sebanyak 4,200 trak bantuan kemanusiaan memasuki Semenanjung Gaza antara 8 Februari hingga 14 Februari.

Sementara itu, pihak berkuasa kesihatan di Gaza pada Khamis berkata dua lagi mayat rakyat Palestin yang maut dalam tempoh 24 jam lepas dibawa ke hospital di wilayah itu, menjadikan jumlah korban sejak perjanjian gencatan senjata antara Israel dan Hamas berkuat kuasa pada 10 Oktober 2025 kepada 611 orang, dengan 1,630 lagi cedera.

Pihak berkuasa itu menambah jumlah kumulatif korban akibat operasi ketenteraan Israel di Gaza sejak 7 Oktober 2023 kini mencecah 72,069 kematian dan 171,728 kecederaan. - ©BERNAMA

4 maut dalam letupan gas selepas lori terbalik di Chile

BUENOS AIRES, 20 Feb. - Sekurang-kurangnya empat orang maut dalam satu letupan gas di tengah Chile, menurut media tempatan pada Khamis, lapor agensi berita Republik Persekutuan Jerman, dpa.

Kira-kira 10 yang lain cedera apabila sebuah lori tangki yang membawa gas cair terbalik sebelum meletup di sebuah kawasan perindustrian berhampiran ibu negara, Santiago, menurut stesen radio Cooperativa.

Rakaman video yang dikeluarkan oleh pasukan bomba Santiago menunjukkan beberapa kenderaan di kawasan parkir berhampiran dijilat api susulan letupan itu. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



PERKUKUH KAEDAH KEJURULATIHAN, FAHAMI ASPEK PSIKOLOGI SUKAN



KEM Latihan Pingpong telah diadakan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah di mana para peserta mengikuti pelbagai modul pembangunan termasuk sesi teknikal, latihan intensif dan cabaran kemahiran bagi mengasah kebolehan yang dipelajari (atas kiri dan atas kanan).

Oleh : Siti Rokiah Abdullah

Foto : Ihsan Persatuan Pingpong Brunei Darussalam

BERAKAS, Khamis, 19 Februari. - Seramai 12 orang jurulatih dan 22 peserta perempuan telah menyertai Kem Latihan Pingpong bertemakan 'My Gender, My Strength' yang berlangsung selama tiga hari bermula 13 hingga 15 Februari di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Program tersebut dianjurkan oleh Persatuan Pingpong Brunei Darussalam (BDTTA) dengan sokongan Persekutuan Pingpong Antarabangsa (ITTF) serta Kementerian Kebudayaan, Belia dan

Sukan (KKBS). Kem latihan ini merupakan sebahagian daripada Fasa 3 program ITTF 'My Gender, My Strength' dan diketuai oleh Jane Ting Siew Chien.

Dalam ucapan alu-aluannya, Presiden BDTTA, Awang Haji Amrinal bin Haji Amir menjelaskan bahawa antara objektif utama penganjuran kem tersebut adalah untuk melatih dan membangunkan antara 10 hingga 15 jurulatih wanita dalam asas permainan pingpong, memperkukuh kaedah kejurulatihan serta memahami aspek psikologi sukan.

Selain itu, program berkenaan turut menyasarkan penyertaan sekurang-kurangnya 30 kanak-kanak perempuan dengan penekanan terhadap pembangunan kemahiran asas, pembentukan disiplin serta pembinaan keyakinan diri. Kem ini juga bertujuan mempromosikan keseksamaan gender dan memperkasa penyertaan wanita dalam bidang sukan, khususnya pingpong.

Sepanjang tiga hari latihan, para peserta mengikuti pelbagai modul pembangunan termasuk sesi teknikal, latihan intensif dan cabaran kemahiran bagi mengasah kebolehan yang dipelajari.

Peserta turut berpeluang menyertai

kejuhanan mini sebagai platform menguji tahap pencapaian masing-masing.

Dalam kejuhanan tersebut, Elissa Wong Li Xuan muncul sebagai juara, manakala Dayangku Nur Delisha Damia binti Pengiran Md. Sufian dan Liu Jia Yu masing-masing menduduki tempat kedua dan ketiga.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Presiden BDTTA. Sijil penyertaan pula disampaikan oleh Samuel, manakala anugerah khas disampaikan oleh Jurulatih Mizi. Sementara itu, sijil jurulatih telah disampaikan oleh Mr. Anthony kepada 12 jurulatih yang terlibat dalam kem latihan berkenaan.

Britain, Kanada bertemu dalam perlawanan akhir curling lelaki Olimpik

CORTINA D'AMPEZZO, REPUBLIK ITALI, 20 Feb. - Britain, pasukan terakhir yang mara ke separuh akhir, bangkit daripada ketinggalan untuk mengejutkan pendahulu pusingan *round-robin* Switzerland 8-5 dan mara ke perlawanan akhir curling lelaki di Sukan Olimpik Musim Sejuk Milan-Cortina pada hari Khamis.

Switzerland, yang mencatatkan sembilan kemenangan berturut-turut dalam pusingan *round-robin*, mendahului 5 - 4 selepas tujuh mata. Walau bagaimanapun, Britain menjaringkan dua mata pada pusingan kelapan dan menambah dua lagi jaringan pada pusingan ke-10 untuk memastikan kemenangan bangkit semula.

Dalam satu lagi perlawanan separuh akhir, Kanada menewaskan Norway 5 - 4.

Perlawanan akhir antara Britain dan Kanada akan diadakan pada Sabtu, manakala Switzerland akan menentang Norway dalam perlawanan pingat gangsa pada Jumaat.

Selepas sesi pusingan *round-robin* wanita terakhir, Amerika Syarikat (AS) dan Kanada menuntut dua tempat terakhir separuh akhir. AS menewaskan Switzerland 7 - 6 dalam perlawanan akhir tambahan, manakala Kanada mengalahkan Republik Korea 10 - 7.

Pada perlawanan separuh akhir hari ini, Sweden akan menentang Kanada, manakala Switzerland menentang AS.

Republik Korea menduduki tempat kelima keseluruhan, diikuti oleh Britain, yang menewaskan tuan rumah Republik Itali 7 - 4 pada sesi

terakhir. Denmark menduduki tempat ketujuh dan Jepun menduduki tempat

kelapan, mengatasi Republik Itali dan Republik Rakyat China. - ©XINHUA

Tahukah Awda

BADUK merupakan gendang besar yang diperbuat daripada sebatang kayu keras atau pohon kayu seperti kayu marak, kayu menggaris, kayu kapur atau kayu madang. Bahagian permukaannya ditutup dengan kulit binatang yang dipanggil Sahab. Sahab diperbuat daripada kulit binatang seperti kulit kerbau, lembu atau rusa yang telah dikeringkan terlebih dahulu. Suatu ketika dahulu, baduk digunakan bagi menandakan waktu berbuka puasa (bersungai). Selain itu, baduk juga digunakan bagi menandakan waktu bangun sahur, waktu menandakan nampaknya anak bulan Syawal dan juga digunakan bagi mengumumkan berita dukacita (kematian).

SUMBER : Pelita Brunei edisi April 2021

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SEMOGA KEBERKATAN RAMADAN INI MEMPERTEGUH IMAN, PERPADUAN KITA